



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5749]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1982

Jawatankuasa (Hari Pertama)—

Jadual:

Maksud B. 1 hingga B. 15 [Ruangan 5784]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1982

Jawatankuasa (Hari Pertama)

Maksud P. 7, P. 8 dan P. 9 [Ruangan 5784]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P., D.P., D.U.P.N., (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J. S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Terengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* George Abbah (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHEAL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).

Yang Berhormat Tuan Edwin Esnen Unang (Mukah).

- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TEIN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.N., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).

- Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B.
(Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN
BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 12hb November, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PERHUBUNGAN DIPLOMATIK
MALAYSIA/CHINA

1. Datuk Edwin anak Tangkun minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai di antara Malaysia dan China semenjak perhubungan diplomatik di antara kedua-dua buah negara dipulih semula dalam tahun 1974 dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengembangkan perhubungan perdagangan di antara kedua-dua buah negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang hampir serupa telah pun saya berikan semasa menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Kemaman pada 12-10-1981 di Dewan yang mulia ini.

Mengenai perdagangan, saya hanya ingin menambah iaitu semenjak hubungan diplomatik di antara Malaysia dan China dijalinan dalam tahun 1974 terdapat kemajuan yang agak pesat dalam bidang perdagangan khususnya dalam hubungan dagangan terus di antara kedua-dua buah negara. Terdapat juga pertukaran lawatan yang kerap yang diaturkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Perusahaan Utama bagi meningkatkan jualan getah, minyak kelapa sawit dan kayu-kayan yang telah diproses ke

negara China. Sebagai contoh, dalam tahun 1979 satu rombongan perdagangan ke China telah diaturkan bersama oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Persatuan Pengeluar-pengeluar Malaysia. Hasil dari lawatan ini adalah sungguh menggalakkan dan lawatan yang serupa telah dicadangkan bagi tahun 1982.

Sebagai langkah selanjutnya bagi meluaskan hubungan dagang Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah bercadang untuk mendirikan sebuah pejabat perdagangan di Peking dan adalah diharapkan pejabat ini akan dapat berfungsi pada tahun hadapan.

Malaysia dan China juga telah bekerjasama dalam isu-isu ekonomi antarabangsa seperti dalam Dialog Utara-Selatan, Perjanjian Getah Asli Antarabangsa dan telah melahirkan sokongan ke atas usaha-usaha Malaysia bagi menstabilkan harga bijih timah.

Pertukaran-pertukaran lawatan tersebut adalah berfaedah dalam menambahkan rasa persefahaman dan dalam masa yang sama menolong meningkatkan kerjasama selanjutnya dalam isu-isu perdagangan dan ekonomi di peringkat dua hala dan antarabangsa.

Hari ini China merupakan pengimport yang penting keluaran utama Malaysia.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu sama ada Kerajaan akan mengemukakan perhubungan dengan negeri China di seluruh bidang, umpamanya di bidang perubatan, pertanian, pelajaran, kebudayaan, sains dan teknologi.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana

yang telah pun saya terangkan tadi, kita memang berhasrat untuk memperluaskan bidang kerjasama yang akan mendatangkan faedah kepada kedua-dua buah negara termasuklah dalam bidang-bidang sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada keseluruhannya dasar Republik Rakyat China terhadap Malaysia telah pun digambarkan oleh Menteri Luar kita sebagai menghidangkan ikan busuk dalam bentuk masakan masam manis. Jadi, adakah pihak Kementerian sedar bahawa tindakan-tindakan Kerajaan kita untuk menggalakkan hubungan dua hala antara Malaysia dengan Republik Rakyat China ini akan

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang semula soalan bahagian yang baru sebentar tadi.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya. Adakah pihak Kerajaan sedar bahawa tindakan Kerajaan kita untuk menggalakkan hubungan dua hala antara Malaysia dengan Republik Rakyat China tidak akan mengakhiri dasar Republik Rakyat China terhadap kita yang begitu membimbangkan itu.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang pernah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sendiri bahawa kita tidaklah mengambil sikap hard line terhadap negara China sebagaimana ada yang disebutkan oleh setengah-setengah golongan bahkan perhubungan negara kita dengan China adalah di atas sikap yang boleh dianggap betul dan wajar (correct and proper relation) dan sikap ini adalah consistent semenjak hubungan diplomatik diwujudkan dengan negara China di dalam tahun 1974 yang lalu dan oleh yang demikian saya tidak nampak bagaimanakah hubungan ini akan menjejaskan selanjutnya dalam bidang-bidang kerjasama yang kita harapkan diperolehi di antara kedua-dua buah negara.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar bahawa kejatuhan harga getah di dalam

negara kita disebabkan negeri China tidak memberi kerjasama dengan kita?

Tuan Yang di-Pertua: Soal getah ini sudah banyak di dalam mesyuarat ini, tidak boleh dibangkitkan lagi. Sesuatu isu yang telah dijawab dengan penuh oleh Yang Berhormat Menteri tidak boleh dibangkitkan dalam session atau penggal ini, mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (i) (p).

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagaimanakah kedudukan imbalan perdagangan di antara negeri China dan Malaysia? Dan saya ingin bertanya akibat daripada negeri China tidak membeli getah daripada Malaysia, apakah tindakan negara kita untuk mengimbangi pada perkara ini.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Sukacita saya maklumkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa semenjak perhubungan perdagangan diadakan dengan negeri China bahawa imbalan perdagangan pada keseluruhannya adalah, dengan izin in favour of negeri China, umpamanya di dalam tahun 1976 perbezanya ialah sebanyak \$227.9 juta dan di dalam tahun 1980 agak berkurangan sedikit kepada \$79.7 juta. Dan dalam soalan yang kedua apakah langkah-langkah yang selanjutnya yang akan diambil oleh Kerajaan, sebagaimana yang biasa telah pun dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini untuk Kementerian-kementerian yang berkenaan, kita sentiasa mengambil langkah dalam saluran rasmi, melalui saluran diplomatik juga, untuk mengadakan perhubungan dan perbincangan serta perundingan lebih lanjut secara mana dan bagaimana pihak China dapat meningkatkan pengimportan barang-barang hasil keluaran negara kita. Walaupun pada akhir-akhir ini nampaknya negara China telah mengurangkan import barang-barang getah dan barang-barang hasil utama kita, tetapi langkah-langkah selanjutnya sedang pun dijalankan oleh Kementerian-kementerian berkenaan bagi memperbaiki kedudukan ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada Kerajaan bercadang pada masa yang akan datang untuk mengatur satu lawatan rombongan Parlimen Malaysia ke negeri China dengan tujuan untuk merapatkan perhubungan di antara kedua negara.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam jawapan Yang Berhormat tadi sudah ada pun, tahun hadapan ada satu rombongan yang akan diatur, ada lagi hendak tambah Yang Berhormat?

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, mungkin soalan Yang Berhormat tadi maksudnya Ahli-ahli Parlimen, sehingga ini

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Parlimen sahaja?

Tuan Lee Lam Thye: Ya.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Sehingga ini belum ada rancangan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu hubungan rapat diplomatik kita telah dibuat sejak tahun 1974, perdagangan didapati pesat, mengapakah Pejabat Perdagangan kita masih belum ada lagi sejak tahun 1974 sampai ke tahun 1981, adakah kita masih ragu-ragu lagi?

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu arus perkembangan dalam hubungan dua hala dalam segi perdagangan. Apabila kita memulakan hubungan diplomatik kita masih belum dapat pasti sama ada kita akan dapat sambutan yang menggalakkan dari pedagang-pedagang negeri China, maka daripada angka yang kita lihat semenjak tahun 1974 sehingga 1980 maka perkembangan begitu pesat sekali

dan pihak Kementerian khususnya Kementerian Perdagangan telah pun memikirkan dengan sedalam-dalamnya dan sudahlah mungkin sampai masanya pada tahun 1982 kita tubuhkan satu pusat perdagangan kita di sana bagi menggalak dan menambahkan lagi perdagangan kita di sana.

Dato Dr Hee Tien Lai: Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memandangkan perhubungan perdagangan di antara negeri China dan Malaysia adalah boleh dikatakan sederhana, adakah Kerajaan pada masa akan datang memudahkan atau melonggarkan syarat-syarat untuk badan-badan perdagangan swasta untuk melawat negeri China bukan sahaja di bawah saluran Kerajaan.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dimaklumkan sehingga ini urusan-urusan untuk mengadakan hubungan dagangan dengan China adalah melalui saluran PERNAS Trading dan sehingga ini saluran ini adalah saluran yang baik. Sebagaimana yang kita tahu peranan PERNAS adalah satu agensi Kerajaan yang telah pun dipertanggungjawabkan untuk mengawal serta menyalurkan segala urusan-urusan perniagaan dengan negara China maka sehingga itu kita tidak lihat satu peraturan ini diubah untuk mengadakan atau membolehkan umpamanya perdagangan secara private dihantar kepada negeri China dan tidak dianjurkan oleh pihak PERNAS.

BORANG PENAMAAN CALON

2. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa Borang Penamaan Calon yang digunakan sekarang adalah menyulitkan dan meragukan calon-calon pilihanraya untuk mengisikannya, dan jika ya, sama ada Kerajaan akan mengesyorkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya ianya dipinda kepada bentuk yang lebih mudah dan hendaknya disediakan sebanyak

dua jenis borang penamaan calon dalam Bahasa Malaysia iaitu satu untuk Dewan Rakyat dan satu lagi untuk Dewan Undangan Negeri.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa borang penamaan calon yang digunakan sekarang tidak begitu jelas dan boleh mengelirukan. Peraturan mengenai hal ini telah pun dipinda dan borang permohonan dalam bentuk yang baru akan digunakan dalam pilihanraya umum yang akan datang atau mana-mana pilihanraya kecil yang berlaku selepas peraturan baru itu disiarkan dalam Warta.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Borang penamaan calon sekarang disediakan dalam dua bahasa di atas satu borang, ertinya bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Jadi borang yang dicadangkan untuk dipinda itu adakah diasingkan ertinya dihapuskan bahasa Inggeris, disediakan dalam bahasa Malaysia sahaja dan diadakan dua jenis ertinya satu untuk Dewan Undangan Negeri dan borang lain pula untuk Dewan Rakyat.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, dalam penyemakan yang sedang dibuat ini saya belum dapat pastikan sama ada perbezaan itu akan dibuat.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, maksud Yang Berhormat Menteri tadi borang ini akan dipinda untuk memudahkan lagi. Saya ingin dapat tahu adakah maksud mudah itu bererti tidak ada lagi satu-satu syarat sehingga kalau tersilap isi borang calon yang berkenaan terpaksa ditolak.

Yang keduanya, adakah akan disesuaikan dengan keadaan perseimbangan pendapatan calon misalnya di masa yang mula-mula, jumlah wang pertaruhan misalnya \$500 dinaikkan kepada \$1,000, kemudian akan dinaikkan lagi mengikut perimbangan pendapatan bulanan pada tiap-tiap elaun

Wakil Rakyat mengikut keadaan masing-masing iaitu Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang nombor dua itu di luar daripada kehendak soalan yang asal. Tentang soalan yang pertama itu peraturan yang berhubung dengan kesilapan seseorang calon mengisi borang itu adalah dikawal sendiri oleh undang-undang pilihanraya.

LATIHAN VOKASIONAL

3. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan institusi-institusi latihan teknik/vokasional yang telah didirikan dalam kawasan-kawasan luar bandar di bawah RM ke 4 dan sama ada sebuah institusi seumpama itu akan didirikan dalam kawasan Parlimen Parit, dalam tempoh RM ke 4.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, belum ada institusi latihan teknik dan vokasional yang telah diberikan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Tetapi di bawah Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 48 buah sekolah-sekolah menengah vokasional akan didirikan di kawasan luar bandar berdekatan dengan bandar-bandar kecil. Butir-butir mengenai projek-projek adalah seperti berikut:

Semenanjung	37 buah
Sarawak	7 buah
Sabah	4 buah
	—
JUMLAH ..	48 buah
	—

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di kawasan Parlimen Parit telah diluluskan pembinaan sebuah sekolah menengah vokasional yang akan didirikan di Bandar Baru Sri Iskandar, Perak Tengah, Parit, Perak.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan apakah kriteria yang menentukan

pertumbuhan sebuah institusi-institusi vokasional dalam sesuatu kawasan?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, mula-mulanya bila kita menubuhkan institusi sekolah vokasional ialah ditempatkan di negeri-negeri yang ada kemungkinan mengadakan kawasan-kawasan perindustrian yang banyak. Tetapi awal dari itu lagi kita telah dirancangan supaya sekurang-kurangnya tiap-tiap sebuah negeri akan mengadakan sebuahnya dan selepas itu kita berikan lebih atau ditambah satu atau dua di dalam sebuah negeri, jikalau negeri itu ada kawasan-kawasan perindustrian khasnya kawasan-kawasan yang berdekatan dengan sekolah-sekolah yang kita rancangan itu. Seperti kita semua maklum, negara kita berkembang dengan perindustrian, perusahaan dan sebagainya yang sudah bertambah pesat oleh kerana negara kita pun sudah bertambah maju. Jadi kita telah merencanakan supaya 48 buah sekolah-sekolah atau institusi-institusi vokasional akan dapat didirikan melalui angka-angka yang telah disampaikan oleh saya tadi.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu tujuan Kerajaan mewujudkan sekolah-sekolah vokasional dan sekolah teknik ialah hendak memenuhkan "blue collar" job, dengan izin. Tetapi kita masih berkurangan jenis pekerja mahir yang semacam ini, adakah Kerajaan bercadang bahawa syllabus yang ada sekarang ini akan dipinda semula supaya sesuai dengan kehendak negara iaitu kita membanyakkan "blue collar" job di masa akan datang.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang Mulia ini iaitu 2 tahun yang lepas kita telah menyusun semula semua sukatan-sukatan dalam sekolah-sekolah menengah vokasional dan sekarang ini kita telah mengadakan satu sukatan yang mana meliputi perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kedapatan berlak di masa temuduga kadang-kadang sepatutnya jurusan yang hendak diambil yang berkenaan

dengan vokasional tetapi bila ditemuduga, diambil daripada pelajar-pelajar yang tidak berkebolehan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar dan akan mengambil tindakan di atas perkara yang saya tanyakan tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Faham, Yang Berhormat? (*Ketawa*) Cuba ulang sekali lagi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya begini-kebanyakan pekerja-pekerja yang bersangkutan dengan kemahiran yang berkehendakkan kepada kelulusan vokasional sepatutnya murid-murid inilah diutamakan dahulu di segi pengambilan kerja tetapi bila ditemuduga murid-murid yang tidak berkelulusan dalam jurusan ini diberikan keutamaan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang akan mengambil tindakan atau perhatian atas perkara yang saya tanyakan ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dalam masa temuduga barangkali kita pun bergantung kepada minat dan juga kelulusan dalam sijil peperiksaan pemohon itu. Jadi kalau semua ada minta tetapi kelulusan tidak sesuai dengan apa yang dikehendaki oleh kursus itu barangkali tidak diberi keutamaan. Oleh kerana dalam setahun juga kita mempunyai ramai murid-murid atau pemohon-pemohon yang minta memasuki sekolah-sekolah menengah vokasional, jadi barangkali ada kes-kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada terjadi tetapi kalau ada kes-kes semacam itu saya berharaplah boleh hantarkan kepada saya dan saya akan memberikan pertolongan.

LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI—JENTERA PENTADBIRAN

4. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) akan mengemas-kini jentera pentadbirannya mengenai perjalanan bakal-bakal haji:

(a) memberi segala alat keperluan lebih awal seperti beg galas, tikar dan keperluan-keperluan lain, serta direkodkan;

- (b) mengadakan beberapa kaunter check-in untuk kemudahan bakal-bakal haji yang begitu ramai dengan penerbangan DC-10 dan membenarkan mereka masuk satu jam lebih awal sebelum check-in supaya orang-orang yang menghantar dapat pulang segera dan dengan yang demikian kebersihan lapangan terbang dapat dijaga; dan
- (c) meminta pihak yang berkenaan supaya tidak membenarkan peniaga-peniaga menjalankan perniagaan di situ. Jika tidak, mengapa.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan sekarang ini semua alat-alat keperluan bakal-bakal haji diberi kepada mereka setelah sahaja urusan "check-in" selesai dan alat-alat keperluan itu direkodkan.

Alat-alat keperluan yang diberi percuma kepada bakal-bakal haji adalah satu beg galas di dalam mana diisi sehelai tikar plastik, satu botol plastik untuk air zam-zam (ini amat mustahak kepada bakal-bakal haji, setiap orang yang pergi haji itu berkehendakkan kepada alat ini), senaskah risalah penerangan kepada jemaah haji, senaskah buku doa, sebotol vitamin C Complex dan Vitamin B Complex untuk sebulan, satu botol kosong untuk minuman, satu beg tangan untuk mengisi pasport, tiket dan sebagainya.

Barang-barang ini adalah untuk kegunaan bakal-bakal haji sewaktu mereka berada di Arab Saudi sahaja. Dengan demikian ianya dirasakan tidak perlu diberi lebih awal. Peraturan yang berjalan sekarang memuaskan dan mungkin buat sementara ini tidak akan ditukar.

Bilangan kaunter check-in yang ada sekarang berjumlah 3 buah yang digunakan untuk tiap-tiap satu penerbangan DC-10 adalah mencukupi dan tidak memberi sebarang kerumitan sebagaimana yang telah diketahui. Dengan adanya 3 kaunter ini urusan check-in dapat diselesaikan dalam masa lebih kurang 1 jam sahaja sekiranya bakal-bakal haji datang seperti dijadualkan. Bakal-bakal haji untuk satu penerbangan

dikehendaki melaporkan diri di lapangan terbang 3 jam sebelum waktu kapal terbang berlepas iaitu 1 jam untuk check-in, 1 jam untuk beri taklimat dan penerangan sewaktu berada dalam bilik berlepas, dan 1 jam untuk boarding menaiki kapal terbang.

Syor supaya bakal-bakal haji masuk 1 jam lebih awal sebelum check-in tidak mencukupi kerana dari segi keselamatan sebelum seseorang penumpang dibenarkan masuk ke bilik berlepas, ianya hendaklah di check-in terlebih dahulu. Walaupun demikian syor ini sekiranya dijalankan, bukanlah boleh memastikan supaya orang-orang yang menghantar bakal-bakal haji dapat pulang dengan segera dan kebersihan lapangan terbang dapat dijaga. Dari pengalaman, penghantar-penghantar tidak akan pulang sebelum kapal terbang haji telah bertolak.

Mengenai penjaja-penjaja yang menjalankan perniagaan di lapangan terbang, suka saya memaklumkan di sini bahawa ada dua jenis peniaga ini iaitu, pertama penjaja yang telah dapat lesen untuk berniaga dalam bangunan lapangan terbang dan kedua penjaja-penjaja musim yang menjaja di luar kawasan bangunan. Kedua-dua jenis mereka ini adalah memberi kemudahan kepada bakal-bakal haji dan penghantar-penghantar kerana tanpa mereka tidaklah dapat minum dan makan. Kebanyakan daripada penjaja-penjaja itu adalah terdiri dari bumiputera dan dari golongan orang-orang miskin. Pada hemat saya tidak ada sebab mengapa peniaga-peniaga dan penjaja tidak patut dibenarkan menjalankan perniagaan mereka di lapangan terbang.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut penerangan di dalam risalah yang diberi oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji, waktu check-in semasa pulang ialah 24 jam, tetapi bila sampai di Mekah ada arahan supaya waktu check-in itu 12 jam di Jeddah. Tetapi ada jemaah-jemaah waktu berada di Medinah diarahkan supaya berada di Lapangan Terbang Jeddah lebih kurang 70 jam daripada jadual penerbangan. Adakah pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji sedar dan kalau sedar apakah tindakan untuk menyelaraskan masa check-in jemaah-jemaah haji itu?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, di dalam urusan bakal-bakal haji ini yang jumlahnya lebih kurang 22,700 tentulah ada timbul masalah-masalah yang berlaku pada masa itu dan kesulitan-kesulitan yang berlaku. Tetapi walau bagaimanapun kalau berlaku terlewat daripada masa yang dijadualkan itu, ini tentulah timbul masalah-masalah yang tidak dapat dielakkan di sana, walau bagaimanapun pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji mengambil perhatian berat mana-mana masalah yang tidak memuaskan bakal haji akan diperbetulkan dalam musim haji yang akan datang.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang disoalkan mengenai perkara (a) tadi alat-alatan, adakah Menteri yang berkenaan sedar kepadatan hilang dan berbagai-bagai lagi berlaku sebagaimana yang disungutkan dalam suratkhobar dan sebagainya, seperti hari ini salah seorang daripada jemaah haji hilang, adakah Kementerian yang berkenaan bercadang kalaupun ada; kalau tidak akan adakan lencana; kalau ada akan diperkemaskan lencana yang lebih lengkap kepada tiap-tiap bakal haji supaya jangan dijatuhkan di sana sini, juga kepada pegawai-pegawai yang menguruskan Tabung Haji. Saya dapat tahu daripada pegawai-pegawai khususnya Indonesia yang mana lencana-lencananya boleh dikatakan terpampang di baju masing-masing dan di belakangnya supaya mudah dicam; jangan hilang pegawai Tabung Haji itu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja; adakah Menteri yang berkenaan juga sedar selain daripada masa hendak pergi, masa hendak balik juga menjadi masalah kepada jemaah-jemaah haji kerana masanya tidak begitu tepat, kadang-kadang setengah pihak keluarga yang jauh tidak dapat hendak diberitahu dan ada di antaranya yang telah balik daripada haji terlantar di lapangan terbang sampai setengahnya tidur bersepeh-sepeh di tepi lapangan terbang. Kalau sedar, apakah langkah untuk mengatasinya supaya perkara ini jangan berlaku lagi?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan cuba

menyelesaikan masalah-masalah yang timbul, mungkin barangkali kerana kelalaian bakal-bakal haji timbul masalah badge dan sebagainya tidak betul dipakai. Ini terpulanglah keada bakal haji masing-masing menjaga diri masing-masing kerana itu adalah perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab bakal-bakal haji itu sendiri.

Saya rasa ini tidak menjadi masalah, pada masa akan datang kita akan mengambil perhatian berat dan juga sebelum bertolak kita telah memberi maklumat dan briefing yang cukup pada tiap-tiap bakal haji supaya menjaga diri masing-masing, bukan itu sahaja tetapi menjaga wangnya sendiri supaya jangan dicuri orang di Jeddah sana ataupun di Mekah.

PERUNTUKAN RUMAH BAGI BUMIPUTERA—DASAR SERAGAM

5. **Tuan Au How Cheong** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang supaya mengadakan suatu dasar seragam Kebangsaan tentang peruntukan rumah-rumah bagi bumiputera.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bercadang mengadakan dasar seragam kebangsaan mengenai peruntukan rumah-rumah bagi bumiputera kerana pembahagian rumah terletak di bawah Kerajaan-kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, tiap-tiap Kerajaan Negeri sememangnya berpandukan kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru di mana Kerajaan menentukan bahawa penyertaan atau pengagihan bagi sektor tertentu mestilah berdasarkan kepada peratus kaum di negara ini. Oleh yang demikian, Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengenakan syarat kepada pemaju swasta bahawa sekurang-kurangnya 30% daripada rumah yang hendak dijual mestilah diuntukkan kepada pembeli bumiputera.

Oleh kerana bilangan kaum adalah berbeza dari satu tempat kesatu tempat, maka pembahagian rumah adalah mengikut jumlah

kaum di tempat tertentu asalkan pada keseluruhannya agihan pemilikan rumah membayangkan peratus kaum bumiputera dalam negara ini. Dalam tempoh 1976 hingga bulan Jun 1981, hanya 15.3% sahaja dari jumlah rumah sebanyak 194,640 yang dibina oleh pemaju swasta telah dibeli oleh kaum Bumiputera. Untuk mengimbangkan keadaan hakmilik rumah dalam sektor perumahan Kerajaan mengutamakan pengagihan rumah awam kos rendah dan perumahan awam yang lain seperti di rancangan Pembangunan Wilayah dan rancangan pembangunan Perbadanan Kemajuan Negeri kepada kaum bumiputera.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada peratusan-peratusan yang ditentukan tentang perumahan yang patut dipunyai oleh bumiputera tetapi dalam amalan biasa seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri bahawa nisbah itu masih kurang. Saya ingin bertanya beliau apakah langkah Kerajaan supaya yang pertama sekali kesukaran untuk mendapat rumah itu dipermudahkan. Kedua, bila berlaku beberapa tempat kemudahan itu tidak dapat dan diberi tahu kepada rakyat bahawa bumiputera tidak dapat membeli rumah sedangkan ada permohonan kemudian dijual kepada bukan bumiputera balik, apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi hal-hal tersebut.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas apakah maksud kemudahan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pontian ini. Tetapi bagi maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian menyedari pada masa yang lalu banyak kota-kota untuk bumiputera itu tidak dapat dibeli oleh kaum bumiputera termasuklah rumah kos rendah oleh kerana kemampuan kaum bumiputera untuk hendak membeli rumah yang diperuntukkan kepada mereka dan dengan demikian ada pemaju swasta memohon kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya ditimbangankan dibukakan kepada golongan cara umum. Tetapi untuk mengatasi masalah ini, dalam Rancangan Malaysia Keempat semua rumah murah, rumah kos rendah yang dibina oleh swasta dibeli oleh Kerajaan melalui MBSB dan

selepas itu dijual balik kepada bumiputera dengan tujuan supaya kota yang ditetapkan itu dapat dibeli oleh bumiputera melalui MBSB seperti saya katakan tadi dan banyak lagi kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak Kerajaan terutamanya dalam Rancangan Malaysia Keempat ini untuk hendak melaksanakan hasrat dan cita-cita Kerajaan ini dan juga berdasarkan pengalaman-pengalaman pada masa-masa yang lalu.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, baru sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan terdapat sebuah badan yang membeli rumah-rumah yang diuntukkan bagi orang-orang bumiputera ini. Saya hendak bertanya apakah masanya seorang pemaju harus menunggu bagi badan itu untuk membeli rumah itu mengambil alih rumah-rumah itu bagi orang-orang bumiputera. Berapa lama?

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak payah tunggu lagi. Ini dasar kita, setiap rumah kos rendah yang dibina oleh swasta dibeli oleh Kerajaan melalui MBSB.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum rumah merupakan satu harta tetap yang mana harganya atau nilainya meningkat dengan begitu tinggi sekali dari masa ke semasa. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kerajaan Pusat akan menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya memberikan peratusan yang lebih tinggi lagi kepada bumiputera. Misalnya yang berharga \$50,00-70%, \$60,00-60%, yang \$70,000-50% dan sebagainya. Oleh kerana hari ini bumiputera merupakan mereka yang berpendapatan rendah sekali jadi kalau rumah itu harganya rendah persen yang tinggi dijual kepada bumiputera tetapi yang \$100,000 ke atas kita hadkan misalnya 10% atau 15% sahaja. Adakah ini dapat dijalankan oleh Kemeterian.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini telah pun kita jalankan dan telah pun

dijalankan oleh negeri-negeri di negara kita ini.

Tuan Lim Cho Hock: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pemaju-pemaju perumahan menghadapi masalah yang besar iaitu rumah-rumah yang diuntukkan atau dikhaskan kepada bumiputera tidak mahu dibeli oleh bumiputera oleh kerana mereka ingat kalau mereka beli rumah-rumah untuk bukan bumiputera mereka boleh untung lebih, oleh kerana hakmilik rumah-rumah yang disimpan untuk bumiputera disyaratkan untuk bumiputera sahaja, tidak boleh dijual kepada orang-orang bukan bumiputera. Itu sudah menimbulkan satu masalah. Pemaju-pemaju perumahan tidak boleh dapat kota seperti 30% untuk satu projek perumahan dan kalau tidak boleh dapat kota 30% orang-orang bumiputera yang beli mereka mungkin rugi di skim itu.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak benar apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu. Apa yang saya katakan tadi selain daripada kota rumah kos rendah 30% yang selebihnya juga diberi peratus kekurangan 15% lagi kepada pembeli-pembeli bumiputera dan dengan ini tidaklah timbul masalah sebagaimana yang ditimbulkan oleh ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dalam Rancangan Malaysia Keempat ini rumah-rumah swasta bagi peruntukan bumiputera yang dibeli oleh Kerajaan kemudian dijual semua kepada bumiputera. Jadi bagaimana dalam masalah harga, adakah harga yang dibeli oleh Kerajaan daripada swasta itu kalau hingga satu dua tahun baru dibeli oleh bumiputera adakah harga seperti dibeli itu juga dijual kepada bumiputera atau mengikut nilai harga semasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah keluar jauh daripada soalan asal.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sistem quota ini memang tidak ada siapa pun

tentang tetapi telah membawa beberapa masalah di beberapa negeri terutamanya kepada pemaju swasta.

Biasanya quota yang diperuntukkan dalam masa enam bulan tidak diambil, adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu lembaga atau badan untuk membeli bukan rumah kos rendah, tetapi rumah yang biasa yang dibina oleh private developer.

Yang kedua, apakah sebabnya baru-baru ini beberapa negeri, bila satu-satu projek perumahan diluluskan, satu syarat yang sangat ketat dikenakan iaitu quotanya sudah dinaikkan dari 30% kepada 50%. Adakah Yang Berhormat sedar dan adakah ini juga merupakan satu dasar seragam kebangsaan perumahan untuk semua negeri?

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan telah menetapkan untuk membeli rumah kos rendah sebanyak 30% yang dijangka dan difikirkan bahawa golongan ini patut diutamakan dan rumah yang sederhana kos mahal ini bolehlah dibeli oleh bumiputera yang berkemampuan untuk membelinya. Jadi buat sementara waktu tujuan kita ialah supaya dapat memberi kemudahan kepada rakyat golongan yang berpendapatan rendah. Dan soalan yang kedua saya minta ulang lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini merupakan satu dasar seragam kebangsaan perumahan Kerajaan di mana quota 30% ini sudah dinaikkan ke 50%. Umpamanya, di negeri Melaka di mana pemaju swasta adalah menghadapi masalah ini kerana bila sesuatu quota ini diperuntukkan kepada bumiputera dalam tempoh enam bulan jika ianya tidak diambil oleh bumiputera, mereka akan terpaksa membayar interest kepada bank dan berbagai-bagai masalah kewangan yang berlaku, maka adakah Kerajaan akan menubuhkan satu lembaga untuk menolong membeli rumah-rumah ini yang diperuntukkan khas untuk bumiputera.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk hendak mengadakan satu peraturan

yang seragam atas pembahagian rumah ini. Ini terpulanglah kepada Kerajaan Negeri selain daripada garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan atau Kementerian saya terpulang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri menyesuaikan dengan keadaan di tempat itu masing-masing.

Bagi makluman ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya suka hendak menerangkan di sini dalam Rancangan Malaysia Ketiga pembahagian rumah awam kos rendah di negeri Melaka, kaum China mendapati sebanyak 45.3%.

PETANI MEMILIKI SENAPANG

6. **Tuan Racha Umong** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbangankan membenarkan para petani memiliki senapang dengan tujuan untuk menjaga ladang-ladang serta sawah padi mereka, dan jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pertanian belum lagi menimbangankan untuk membenarkan para petani memiliki senapang untuk tujuan menjaga ladang-ladang serta sawah mereka. Dimaklumkan pemberian senapang adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pertanian.

Tuan Chieng Tiong Kai: Soalan tambahan. Oleh kerana kebanyakan petani-petani di negeri Sarawak, khasnya petani-petani bukan bumiputera tidak dapat memiliki senapang untuk menjaga ladang-ladang koko, lada dan sawah padi mereka. Ini menjadikan suatu kerugian yang besar kepada penghasilan mereka. Di sini saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan mencari satu langkah yang sesuai untuk menolong petani-petani untuk menjaga ladang-ladang mereka.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi, senjatapi ini di luar daripada bidang kuasa Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi.

Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat sedikit pembetulan kepada pertanyaan No. 7 di baris bawah sekali iaitu perkataan "diambil" harap diganti dengan perkataan "diamalkan".

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan "diambil" dijadikan "diamalkan".

SISTEM 3M

7. **Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebab sistem 3M tidak dijalankan serentak pada kesemua sekolah-sekolah rendah dengan seberapa segera. Adakah sistem 3M ini lebih susah dari sistem yang diamalkan sekarang.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk melaksanakan kurikulum baru sekolah-sekolah rendah yang berperingkat-peringkat bukanlah bermakna kurikulum baru ini akan lebih susah atau berat dari segi pengajian yang sedang berjalan sekarang. Langkah ini diambil di atas sebab-sebab yang berikut:

- (1) Proses pendidikan di peringkat rendah yang menekankan kemahiran membaca, menulis dan mengira melibatkan dua faktor utama iaitu menguasai kemahiran itu dan menggunakannya bagi memperelajari berbagai bidang ilmu pengetahuan. Kemahiran yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak adalah disusun mengikut kemampuan dan peringkat perkembangan diri kanak-kanak itu. Bagi menentukan seseorang kanak-kanak itu telah benar-benar mencapai satu kemahiran sebelum menguasai kemahiran yang lain maka perlulah ianya diperkenalkan kepada peringkat-peringkat yang tertentu terlebih dahulu. Sekiranya kurikulum ini diperkenalkan serentak di semua peringkat, kanak-kanak yang berada di tahun tiga misalnya telah ketinggalan dalam menguasai kemahiran-kemahiran yang disediakan bagi tahun satu dan tahun dua.
- (2) Sambungan pembelajaran dari satu peringkat ke satu peringkat adalah satu faktor yang utama bagi menjamin

kejayaan pembelajaran seseorang murid. Dengan cara melaksanakan kurikulum berperingkat-peringkat apa-apa kelemahan yang akan dapat dikesan dengan segera dan diperbaiki dengan cara yang lebih sistematik.

- (3) Pelaksanaan yang berperingkat-peringkat juga membolehkan Kementerian Pelajaran membuat persediaan yang lebih sempurna dalam berbagai perkara untuk tiap-tiap peringkat misalnya penyediaan bahan-bahan pengajaran, pembelajaran yang juga melibatkan buku-buku teks. Di samping itu guru-guru juga boleh dilatih sekiranya perlu bagi membolehkan mereka menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih berkesan.
- (4) Kurikulum yang akan diperkenalkan perlu dikawal dengan rapi supaya ianya benar-benar mencapai matlamat dan tujuannya. Dengan cara pelaksanaan yang berperingkat-peringkat akan dapat dijamin keutuhan dan kelicinan perjalanan rancangan kurikulum baru ini.

Dato' Mohd. Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menerangkan bahawa bagi melaksanakan sistem 3M ini guru-guru perlu dilatih. Jadi soalan saya sudahkah guru-guru ini dilatih bagi menghadapi perancangan sistem 3M atau berkehendakkan kepada keadaan yang guru-guru perlu dilatih atau tidak.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebahagiannya kita telahpun memberikan kursus pendedahan. Boleh dikatakan mulai tahun 1982 ramai guru-guru yang akan dilatih.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana tujuan sistem 3M ialah untuk menentukan bahawa murid-murid selepas 5 tahun atau 6 tahun persekolahan boleh sekurang-kurangnya membaca, menulis dan mengira dan tujuan ini ialah untuk memperbaiki taraf pencapaian murid-murid yang masa ini tidak boleh menguasai ketiga-tiga faktor ini. Kalau sistem 3M bertujuan

begitu patutlah sekolah-sekolah yang dipilih untuk memulakan sistem 3M ialah sekolah-sekolah di mana taraf pencapaian yang lebih merosot, yang lebih rendah, tetapi nampaknya sekarang sekolah-sekolah yang dipilih untuk memulakan sistem 3M adalah sekolah-sekolah di mana mutu pencapaiannya ialah tinggi dan baik, sebenarnya tidak payah ada sistem 3M. Yang sebenarnya apa yang perlu mungkin memberi mereka bukan 3M, tetapi 5M atau 6M.....

Tuan Yang di-Pertua: Tak usah melarat sangatlah. Apa soal tambahannya?

Tuan Lim Kit Siang: Mengapa di dalam melancarkan sistem 3M untuk "pilot scheme" tidak memilih semua sekolah-sekolah di mana pencapaiannya begitu rendah?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu separuh betul, separuh tidak betul (*Ketawa*).

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, apakah unsur-unsur yang menjadi asas kepada sesebuah sekolah yang diberi keutamaan bagi pelancaran pengajaran sistem 3M ini?

Dato' Chan Siang Sun: Kurang dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong ulang sekali lagi.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, apakah unsur-unsur yang menjadi asas kepada sesebuah sekolah maka sekolah itu diberi keutamaan bagi melancarkan pengajaran sistem 3M?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, unsur-unsurnya telah saya beri dalam jawapan pokok saya tadi iaitu unsur-unsur itu seperti kelemahan-kelemahan yang telah berlaku. Sungguhpun unsur-unsur ini sudah dijadikan hakikat, kita mesti mengadakan sistem ini untuk mengatasi perkara-perkara itu dan selepas peringkat percubaan ini kita akan dapat sibarkan sistem ini kepada semua sekolah-sekolah.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu selepas

3M dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, sama ada semua mata pelajaran akan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar atau cuma mata pelajaran Bahasa Malaysia menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dan juga bahasa Inggeris menggunakan sebagai bahasa pengantar dan lain-lain mata pelajaran menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya tadi ialah selepas sistem 3M telah dijalankan, yang akan datang itu tidak boleh ditanya waktu ini.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran tadi bahawa sistem 3M ini dijalankan berperingkat-peringkat. Pada tahun bilakah dijangka sistem 3M ini dapat dilaksanakan keseluruhan sekolah-sekolah di negara kita?

Dato' Chan Siang Sun: Tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat dari Batang Padang bilakah keseluruhannya, tahun bila?

Dato' Chan Siang Sun: Mulai tahun 1983 hingga tahun 1988 semua sekolah-sekolah rendah dari darjah I kepada darjah VI akan selesailah kurikulum baharu ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apakah jawapan Yang Berhormat tadi, separuh benar, separuh tidak benar. Mungkin Yang Berhormat separuh layak dan separuh tidak layak untuk menjawab (*Ketawa*). Bolehkah Yang Berhormat memberi satu jawapan yang kita boleh faham, mengapa semua sekolah-sekolah di mana pencapaian dalam sistem 3M sangat rendah tidak dipilih supaya taraf pencapaian murid-muridnya boleh diperbaiki?

Tuan Yang di-Pertua: Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran ada menyebutkan tadi sekolah rendah dimulakan, benar begitu Yang Berhormat?

Dato' Chan Siang Sun: Seperti saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam

jawapan kepada Yang Berhormat dari Petaling, separuh benar dan separuh tidak benar, ini bermakna sekolah-sekolah yang ada mempunyai kemahiran yang baik pun telah dipilih dan juga sekolah-sekolah yang mana kemahiran dalam sistem 3M ini rendah sekali pun ada dipilih. Jadi soalan daripada Yang Berhormat tadi separuh benar dan separuh tidak benar, itu sebabnya (*Ketawa*).

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setahu saya sistem 3M atau 3R dalam bahasa Inggeris bermakna menulis, membaca dan mengira. Sebenarnya perkara ini sudahpun diamalkan semenjak zaman penjajahan lagi iaitu di mana murid-murid diajar menulis, membaca dan mengira. Apakah kriteria yang digunakan oleh Kementerian Pelajaran sekarang untuk mendefinisi dan melaksanakan perkara ini, apakah prioritynya?

Tuan Yang di-Pertua: Ini hendak tanya prioritykah atau kriteria? (*Ketawa*).

Tuan Haji Hashim bin Endut: Dua-dua sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan dengan tepat.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dalam masa penjajahan dahulu sungguhpun 3M ini sudahpun dijalankan, sekarangpun sistem 3M ini adalah dijalankan, tetapi *tekanan* tidak diberi kepada 3 kemahiran ini iaitu membaca, mengira dan menulis. Jadi kita sudah mengadakan beberapa kajian dan juga maklumat-maklumat balas daripada negeri-negeri bahawa semua aliran sekolah dapati lebih kurang 45% murid-murid yang tidak boleh membaca dan ada melebihi 55% tidak dapat menulis dengan baik. Oleh sebab itu selepas kajian-kajian itu, kita mestilah mengadakan satu sistem kaedah mengajar yang baharu supaya tekanan dapat diberi kepada 3 kemahiran yang asasnya iaitu membaca, menulis dan mengira supaya selain daripada mengukuhkan landasan kemahiran murid-murid kita dapat juga menggunakannya supaya pengetahuan mata pelajaran yang lain

boleh dapat diserapkan dalam kaedah mengajar yang baharu ini.

KERETAPI TANAH MELAYU— MEMODENKAN PERKHIDMATAN

8. Datuk Dr Hee Tien Lai minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa Keretapi Tanah Melayu adalah telah lama dan usang;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa walaupun dengan peruntukan yang terhad di bawah Rancangan-rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga, Keretapi Tanah Melayu tidak dapat menggunakan sepenuhnya; dan
- (c) sama ada terdapat sebarang rancangan untuk memodenkan perkhidmatan ini dan bagaimana.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Saya sedar bahawa Keretapi Tanah Melayu sudah lama dan ianya akan berusaha 100 tahun menjelang tahun 1985, tetapi ini tidak bermakna yang ianya usang kerana pelaburan-pelaburan telah dibuat untuk memodenkan dari masa ke masa. Misalnya dahulu ianya menggunakan injin wap dan kini telah digantikan dengan injin diesel. Kerajaan sedang mengkaji untuk menambahkan lagi jumlah pelaburan sesuai dengan rancangan pembaharuannya.
- (b) Saya sedar ada peruntukan yang tidak dapat digunakan sepenuhnya oleh pihak pentadbiran Keretapi Tanah Melayu. Ini tidaklah dapat dielakkan kerana sebab-sebab yang di luar bidang kuasa pihak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu.
- (c) Mengenai rancangan untuk memodenkan Keretapi Tanah Melayu, saya telahpun memberi jawapan semasa menggulung Perbahasan Dasar Belanjawan 1982 di Dewan Yang Mulia ini semalam dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah saya beri itu.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat faham bahawa landasan atau rail keretapi yang lama sedang ditukar berperingkat-peringkat. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan peratus rail-rail yang lama ini sudah ditukar kepada landasan yang baharu?

Tuan Yang di-Pertua: Soal ini kalau tak berkehendakkan notis, kalau sudah ada angkanya, kalau tidak kena, notislah.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa pada masa kini sistem pengurusan KTM nampaknya ada tidak berapa kuat. Suka saya mendapat tahu apakah langkah yang telah diambil untuk memperkuatkan sistem pengurusan KTM untuk memastikan lebih banyak produktiviti.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah sedang diambil oleh Keretapi Tanah Melayu untuk meningkatkan produktiviti, terutama sekali dari segi pengurusan. Salah satu daripada langkahnya adalah untuk mempertingkatkan lagi pusat latihan yang mana ia bermula dengan pemilihan serta penghantaran jurulatih-jurulatih atau penyarah berkursus di luar negeri untuk melengkapkan mereka dengan teknik serta pengetahuan mengajar dan juga beberapa rancangan latihan di semua peringkat kakitangan dan pegawai sedang diatur. Satu rancangan dan sistem pemeriksaan kerja, pelaksanaan tugas serta pengawasan kakitangan telah pun dilaksanakan. Di dalam rancangan ini tiap tugas dan tanggungjawab yang terdapat dalam sistem keretapi adalah disemak semula dan dijelaskan kepada kakitangan-kakitangan yang berkenaan yang menjalankan tugas-tugas itu. Di samping itu semua Ketua Jabatan dan pegawai yang bertanggungjawab adalah dikehendaki mengetahui tentang peranan serta tanggungjawab masing-masing. Mereka digalakkan untuk membuat keputusan atas perkara-perkara yang mereka sendiri sepatutnya membuat keputusan itu.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak berapa jelas tadi berkenaan dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan Keretapi Tanah Melayu sudah 100 tahun. Saya minta penjelasan sama ada tiap-tiap sebuah keretapi yang ada itu sudah berumur 100 tahun ataupun perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu itu sudah berumur 100 tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tak payah tanyalah, disebut perkhidmatan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu bersetuju bahawa khidmat keretapi seharusnya kian lama kian lebih penting dan harus diperlui sebagaimana yang telah dibuktikan di negara-negara maju. Soalan saya, dalam tahun-tahun yang baru berlalu ini adakah sambutan rakyat terhadap khidmat keretapi ini telah meningkat ataupun kurang.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memang perkhidmatan yang berkenaan telahpun meningkat dan dari angka-angka yang telah diberikan kepada saya pertambahannya adalah dalam purata 10% tiap-tiap tahun dari segi bilangan penumpang-penumpang yang menaiki keretapi.

Tuan Chan Kok Kit: Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk memastikan semua penumpang-penumpang keretapi dapat diberi tempat duduknya masing-masing.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi kebiasaan bahawa tiap-tiap penumpang keretapi mendapat tempat tetapi kadangkala di dalam musim-musim yang tertentu seperti ada perayaan dan lain-lainnya oleh kerana banyak sangat mereka yang ingin menaiki keretapi, jadi sebilangan daripada mereka itu tidak diberi tempat dan mereka masih juga hendak menaiki keretapi yang berkenaan. Jadi oleh kerana supaya kita tidak mengecewakan mereka itu, kita jual tiket yang berkenaan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming. Tidak hadir.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Ting Chek Ming tidak hadir)

DISPENSARY KOTA KLIAS DAN WESTON

10. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Dispensary Kota Klias dan Weston dapat dilaksanakan pembinaannya dan bila dijangkakan siap.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Dispensari Luar Bandar Kota Klias dan Weston sedang dalam pembinaan dan dijangka siap awal tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 11 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

PEGAWAI KERAJAAN TERLIBAT SEMASA PILIHANRAYA

9. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Pegawai-pegawai Kerajaan yang menganggotai Parti Barisan akan ditegah dari mengambil bahagian sebagai Kerani mengundi, Kerani mengira undi dan Pegawai Pengawas Stesyen Mengundi dan sebagainya semasa Pilihanraya; dan
- (b) berikan sebab-sebab mengapa Kementerian beliau tidak boleh mendapatkan pendaftaran pengundi-pengundi berdasarkan kepada data/butir-butir yang boleh diperolehi dari Pendaftaran Beranak dan Mati.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Sememangnya anggota-anggota parti politik adalah ditegah daripada menjadi kakitangan Suruhanjaya di

dalam mengendalikan sebarang pilihanraya.

- (b) Soalan ini tidak begitu jelas, walau bagaimanapun sekiranya maksud Ahli Yang Berhormat supaya pendaftaran memilih dibuat secara otomatis berdasarkan kepada butir-butir warga-negara yang ada didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara maka jawapannya ialah bahawa perkara ini tidak mungkin dapat dilakukan buat masa ini kerana butir-butir seseorang dari lahirnya terutama sekali tempat tinggal akan sentiasa berubah dan tidak akan diketahui di mana seseorang itu berada ketika umurnya meningkat 21 tahun. Pendaftaran memilih dilakukan berdasarkan kepada tempat bermastautin tetap seseorang itu kerana ia dikehendaki mengundi di tempat ia tinggal tetap. Sekiranya pendaftaran dibuat berdasarkan alamat yang didaftarkan pada tarikh seseorang itu lahir maka sebahagian besar rakyat Malaysia tidak akan dapat mengundi.

PINJAMAN YANG DIHAPUSKIRA

11. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah amaun pinjaman-pinjaman yang diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk tujuan-tujuan membiayai projek-projek yang dilaksanakan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri masing-masing dan selepas itu pinjaman-pinjaman tersebut dihapuskira disebabkan kegagalan projek-projek berkenaan.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Setakat ini belum ada apa-apa hapuskira dibuat atas mana-mana pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

BANGUNAN UDA DIJUAL KEPADA BUMIPUTRA

12. Tuan Haji Ampong bin Puyon bertanya kepada Menteri Perusahaan Awam mengapakah UDA sekarang ini menjualkan

bangunan yang dibelinya, dengan harga pasaran kepada bumiputra dan sama ada ini tidak bercanggah dengan konsep penubuhan UDA sendiri yang dikatakan untuk menolong kaum bumiputra dalam perniagaan.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): UDA pada masa ini menjual harta-hartanya kepada bumiputra dalam dua bentuk iaitu:

- (i) Ruang-ruang niaga.
- (ii) Bangunan-bangunan tertentu.

Bagi ruang-ruang niaga UDA memberi keistimewaan kepada bumiputra dengan menjual dengan potongan-potongan harga.

Bagi bangunan-bangunan pula, UDA perlulah menjual berasas kepada penilaian objektif, dan di mana wajar ada diberi keistimewaan kepada bumiputra.

BAYARAN HARGA TANAH

13. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baki $\frac{1}{3}$ daripada bayaran harga tanah yang diperolehi oleh Kerajaan untuk projek-projek pembangunan dibayar selepas mengambil masa yang lama sehinggakan ada setengah tuan punya tanah terpaksa membuat tuntutan ini melalui mahkamah; dan jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mempercepatkan bayaran ini.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Shariff Ahmad): Kenyataan Yang Berhormat itu kurang tepat. Jumlah wang yang ditahan ialah 25% atau $\frac{1}{4}$ sahaja daripada jumlah pampasan yang diputuskan oleh Pemungut Hasil Tanah.

Penahanan 25% ini berlaku bila terdapatnya bantahan terhadap jumlah pampasan yang kena dibayar kepada tuantan tanah. Dalam keadaan ini, kes itu terpaksa dibawa ke Mahkamah untuk penyelesaian. Wang yang ditahan beserta dengan faedah 6% setahun adalah dijelaskan sebaik sahaja keputusan mahkamah dibuat.

Apabila tuan tanah sendiri membantah keputusan pampasan yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah, wang pampasan disimpan (deposited) di Mahkamah Tinggi dan apabila keputusan telah dibuat, pemilik tanah boleh menuntut dari Mahkamah.

DOKTOR-DOKTOR YANG DIPERLUKAN

14. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa bilangan doktor di dalam negara yang diperlukan, bagaimanakah ikhtiar untuk menampung kekurangan doktor itu dan apakah rancangan jangka panjang untuk mengatasi masalah ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin maklum, keperluan untuk semua jenis perkhidmatan iktisas pasti meningkat dengan pertambahan penduduk-penduduk dan pembangunan negara ini yang begitu pesat. Hanya sebilangan kecil negara maju sahaja yang boleh menyatakan bahawa mereka mempunyai bilangan pegawai-pegawai iktisas yang cukup, termasuk doktor-doktor, bagi memenuhi keperluan negara masing-masing.

Nisbah doktor-doktor kepada penduduk-penduduk di negara ini ialah seorang doktor bagi 3,500 orang penduduk. Bagi matlamat kesihatan kita masa sekarang, kita berhasrat untuk mengadakan seorang doktor bagi 2,200 orang penduduk menjelang tahun 1990. Rancangan Latihan Tenaga Kakitangan kita seterusnya adalah dirangka untuk memenuhi matlamat ini. Kementerian Kesihatan telah memperolehi persetujuan Kementerian Pelajaran dan universiti-universiti yang berkenaan bagi menambah bilangan penuntut-penuntut ini ke tiga buah fakulti-fakulti perubatan yang tertubuh sekarang. Dalam merangka matlamat tersebut, kita jua memperhitungkan anggaran bilangan penuntut-penuntut perubatan yang dijangka kembali ke tanah air selepas latihan mereka di luar negeri.

Nisbah yang dikehendaki bagi doktor-doktor kepada penduduk-penduduk adalah dikaji dari masa ke semasa untuk memperbaiki kedudukan ini selanjutnya.

LAWATAN PERDANA MENTERI CHINA KE MALAYSIA

15. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Perdana Menteri China ke negara kita tempoh hari pada segi kepentingan keselamatan, ekonomi, perdagangan dan perhubungan antarabangsa.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Hasil daripada lawatan Perdana Menteri China ke Malaysia ialah ianya telah memberikan peluang kepada kedua-dua pihak, Malaysia dan China untuk memahami dengan lebih jelas mengenai isu-isu serantau dan dua hala. Sebagaimana yang telah dijelaskan di Dewan Yang Mulia ini pada masa-masa lalu, China masih mahu mengadakan perhubungan dua hala khususnya parti dengan parti dengan Parti Komunis Malaya, walaupun ia menyatakan ia (China) tidak menyokong perjuangan bersenjata parti-parti komunis yang bertujuan menjatuhkan Kerajaan yang sah secara kekerasan.

Dari segi isu serantau walaupun terdapat persamaan-persamaan mengenai objektif-objektif Malaysia dan China mempunyai pendekatan yang berbeza di dalam usaha untuk mencari penyelesaian politik, terutama berkaitan dengan masalah di Kampuchea.

Dari segi perdagangan, kedua-dua pihak China dan Malaysia telah pun menyatakan harapan untuk bekerjasama lebih rapat dalam ekonomi terutama di bidang perdagangan dua hala dan ini termasuk janji China untuk menambah import barangan utama dari Malaysia.

HARGA GETAH

16. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kejatuhan harga getah telah merumitkan pekebun-pekebun kecil dan pemotong-pemotong getah di negara ini, jika ya, apakah langkah-langkah yang positif yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Soalan ini telah pun saya jawab di Dewan Yang Mulia ini pada 27hb

Oktober, dan 3hb November, 1981 yang lalu iaitu semasa menjawab soalan-soalan oleh Yang Berhormat Tuan Wong Hoong Keat dan Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar Umar.

PERBINCANGAN PERDANA MENTERI MALAYSIA—CHINA

17. Tuan Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan butir-butir lanjut mengenai perbincangan yang diadakan olehnya dengan Perdana Menteri China, Encik Zhao Ziyang baru-baru ini, apakah hasil yang dicapai dan sama ada Perdana Menteri China telah bersetuju untuk memikirkan soal hubungan negaranya dengan Parti Komunis Malaya.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Perbincangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Perdana Menteri China tertumpu terutamanya kepada isu-isu serantau dan dua hala. Mengenai perkara-perkara serantau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bertukar-tukar pendapat dengan Perdana Menteri China mengenai masalah Kampuchea. Kami telah bersetuju tentang perlunya pengunduran tentera asing daripada Kampuchea dan juga telah menyatakan sokongan tentang hak orang-orang Kampuchea memilih Kerajaan mereka sendiri melalui pilihanraya di bawah kelolaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Walaupun terdapat persamaan pendapat mengenai objektif-objektif ini Malaysia dan China mempunyai pendekatan yang berbeza di dalam usaha untuk mencari penyelesaian politik terhadap masalah-masalah tersebut.

Malaysia ingin melihat bahawa sementara tekanan dibuat ke atas Vietnam untuk meninggalkan (abandon) dasarnya terhadap Kampuchea, pintu untuk mengadakan dialog dengan Vietnam patutlah dibuka dengan tujuan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kita berharap sesuatu yang positif akan muncul melalui rundingan. Mengenai isu-isu dua hala, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan pandangan berat (concern) kita mengenai soal perhubungan parti-dengan parti di atas Kerajaan China dengan Parti Komunis

Malaya. Perdana Menteri Zhao menyatakan bahawa China tidak akan menyokong parti-parti Komunis yang bertujuan menjatuhkan Kerajaan Malaysia secara kekerasan. Beliau juga menyatakan bahawa Pergerakan-pergerakan Komunis Dunia mengiktiraf di antara satu sama lain. Pihak China merasa berkewajipan (obliged) untuk meneruskan sokongan moral dan politik dengan Parti Komunis Malaya. Jawapan ini tidak memuaskan hati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sepenuhnya walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil ingatan bahawa China telah membuat sesuatu untuk menghapuskan halangan-halangan yang ada di dalam hubungan di antara kedua-dua negara seperti penutupan Suara Revolusi di dalam jajahan China dan jaminan yang telah diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa China tidak menyokong perjuangan bersenjata Parti Komunis Malaya.

Menyentuh tentang perdagangan, kami telah berbincang mengenai prospek bagi menambah perdagangan secara langsung dan bekerjasama dalam menentukan supaya harga barangan kita seperti timah, menjadi stabil. China juga telah berjanji untuk menimbangkan permintaan kita supaya ia menambah import barangan utama dari Malaysia.

Hasil daripada lawatan tersebut ialah ianya memberi peluang kepada kedua-dua negara untuk mendapatkan persefahaman yang lebih jelas mengenai pendirian masing-masing. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa berpendapat bahawa lawatan-lawatan seperti ini adalah berguna dalam meningkatkan persefahaman dan kerjasama.

GETAH ASLI—PENGELUARAN

18. Datuk Dr Hee Tien Lai minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kejayaan yang dicapai di bawah Dasar Pengeluaran Getah Dinamik yang telah dideraf tiga tahun dahulu untuk menambah pengeluaran getah melalui rancangan aselarasi menanam semula dan pesemaian penyelidikan kepada ladang-ladang dan kebun-kebum kecil.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dasar Pengeluaran Dinamik adalah bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran getah asli negara memandangkan prospek yang baik bagi barangan tersebut dalam jangka sederhana dan jangka panjang. Berhubung dengan itu beberapa strategi dan program telah digariskan di dalam dasar tersebut supaya perlaksanaannya nanti akan mencapai ke peringkat yang dikehendaki.

Antara strategi yang dicadangkan ialah meninggikan daya pengeluaran melalui penggunaan tanah-tanah yang sedia ada dengan lebih baik; memesatkan rancangan tanam semula getah dengan kelon-kelon yang bermutu tinggi di sektor ladang dan kebun kecil, dan membuka lebih banyak tanah-tanah baru untuk tanaman getah.

Memandangkan strategi dan program dalam Dasar Pengeluaran Dinamik dirangka dengan mengambil kira program jangka sederhana dan jangka panjang, maka adalah terlalu awal bagi saya menganalisa dan mengukur kejayaan yang dicapai di bawah Dasar tersebut.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha telah dan sedang di ambil bagi menjayakan Dasar tersebut. Dalam hubungan ini beberapa penemuan hasil-hasil penyelidikan sedang diserapkan ke sektor pekebun kecil dan ladang-ladang seperti penggunaan penggalakan susu (ethrel stimulation). Penggunaan bahan ini secara meluas di sektor kebun kecil, di samping penggunaan baja secara lebih teratur akan meningkatkan lagi pengeluaran dan pendapatan di sektor tersebut. Dengan penggunaan benih-benih bermutu beserta amalan agronomic dan pengurusan yang baik, pekebun-pekebun kecil berupaya menambahkan pengeluaran getah dari purata 1,000 kg/ha sekarang kepada 1,800—2,000 kg sehektar. Pembentukan Jawatankuasa Bersama RRIM—RISDA merupakan satu daya penggerak bagi mempercepatkan usaha-usaha ini.

Galakan tanaman semula juga diberikan seperti melalui skim penggalak Tanam Semula (SEPENTAS) di mana disediakan pinjaman tanpa faedah (soft loan) dan kemudahan

kredit sementara menunggu tempoh matang pokok-pokok getah. Bantuan tanaman semula bagi getah sahaja telah dinaikkan kepada \$2,200 seekar bagi kawasan 10 ekar dan ke bawah.

Penyusunan semula dan penyemakan eksport duti getah dari masa kesemasa merupakan langkah penting bagi menarik minat pengeluar-pengeluar menambahkan pelaburan mereka bagi menambahkan pengeluaran getah.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1982

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1982

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 dan Anggaran Pembangunan, 1982 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Pertama)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)

Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, B. 13, B. 14 dan B. 15 (Jadual).

Maksud P. 7, P. 8, dan P. 9 (Anggaran Pembangunan, 1982).

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Majlis ditangguhkan pada petang semalam Majlis sedang menimbangankan Kepala Perbekalan 1 hingga 15 dan Kepala Pembangunan 7, 8 dan 9 di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya jemput Yang Berhormat dari Baling menyambung ucapannya.

3.36 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Pengerusi, semalam sewaktu

saya menyampaikan ucapan, saya telah menyentuh mengenai pentingnya dalam meningkatkan prestasi perkhidmatan awam.

Tuan Pengerusi: Elok juga Yang Berhormat sebutkan Kepala Bekalan mana dan Aktiviti/Butiran mana supaya dapat diikuti oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Untuk menyambung perbahasan semalam saya akan menyambung kepada B. 7, iaitu Butiran 1300 dan Butiran-kecil 10, muka surat 57 mengenai Tambahan Kos Kakitangan Biro Siasatan Negara di mana peruntukan yang diperuntukkan dalam tahun ini berjumlah \$3,657,700 berbanding dengan peruntukan dalam tahun 1981 berjumlah \$2,404,500. Ini bermakna bahawa Biro ini mendapat tambahan untuk kakitangan sebanyak \$1,249,200.

Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan usaha dan juga peruntukan bagi memperkukuhkan lagi Biro Siasatan Negara supaya Biro ini mempunyai keupayaan yang cukup bagi mengatasi masalah rasuah yang dihadapi di dalam negara kita. Masalah ini adalah masalah yang patut diatasi dengan tegas. Walaupun peruntukan untuk memperkukuhkan kakitangan Biro Siasatan Negara ini telah ditambah namun ada faktor-faktor yang lagi bagi mengukuhkan perkhidmatan Biro Siasatan Negara ini, iaitu dasar dan sikap Kerajaan sendiri terhadap peranan dan tugas Biro Siasatan Negara. Jika sekiranya pegawai-pegawai yang ditambah ini tidak dapat memainkan peranan mereka yang berkesan dengan adanya halangan-halangan daripada pihak atasan dan daripada pimpinan Kerajaan sendiri demi untuk kepentingan tertentu dalam menjaga keadaan di dalam parti politik pemerintah sudah tentulah pegawai-pegawai yang ditambah itu tidak dapat memainkan peranan yang berkesan.

Walaupun peranan ataupun pertimbangan-pertimbangan politik ada kalanya perlu diberi pertimbangan tetapi jika sekiranya pertimbangan politik itu lebih diutamakan daripada usaha-usaha untuk membentras perbuatan yang tidak sihat dan perbuatan rasuah ini sudah tentulah perkara yang tidak

diingini ini terus akan berlaku dan kita lihat bagaimana keadaan sekarang ini walaupun beberapa tanda menunjukkan adanya penyalahgunaan kuasa di kalangan pemimpin-pemimpin Kerajaan yang terdiri daripada ahli-ahli politik tetapi tanda-tanda itu tidak diberi perhatian yang serious untuk disiasat dan untuk diambil tindakan seterusnya. Keadaan ini walaupun banyak mana pegawai-pegawai ditambah dan kekuatan ditingkatkan, namun usaha-usaha untuk membentras rasuah ini akan menemui kegagalan.

Tuan Pengerusi, saya juga akan menyentuh P. 7, Butiran (5)—Lembaga Perancangan Keluarga Kebangsaan yang mana peruntukan yang diminta ialah \$10,351,510.

Tuan Pengerusi, di dalam melaksanakan Perancangan Keluarga terdapat dua bidang yang dimainkan oleh Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan. Pertamanya, ialah meningkatkan kualiti keluarga dan juga keadaan keluarga dari segi kesihatan, pelajaran dan lain-lainnya. Keduanya, ialah pengertian daripada Perancangan Keluarga itu ialah menyekat kelahiran anak dalam pengertian bahawa ia hendak diseimbangkan jumlah kelahiran anak dengan pertumbuhan ekonomi.

Saya kira bahawa tujuan yang kedua ini adalah didasarkan kepada suatu andaian yang tidak benar dan kerana itu Lembaga Perancang Keluarga ini haruslah menumpukan kepada matlamat yang pertama sahaja dengan tidak memainkan peranan untuk menjalankan rencana yang kedua dalam pengertian menyekat kelahiran anak tetapi hendaklah menumpukan kepada yang pertama iaitu memperbaiki keadaan keluarga dari segi kesihatan dan juga dari segi kualiti dan juga kebajikan keluarga itu sendiri dan memberi bimbingan dan meningkatkan keadaan-keadaan mereka supaya keluarga itu dapat mencapai kepada matlamat keluarga yang sejahtera.

Kita telah merasmikan Agama Islam sebagai agama rasmi negara dan saya fikir bahawa ianya tidaklah patut kita melaksanakan suatu dasar yang bercanggah dengan Agama Islam di dalam soal

Perancangan Keluarga dalam pengertian menyekat kelahiran anak-anak menerusi suatu perancangan di peringkat nasional dan segala usaha ditumpukan ke arah tujuan ini, kerana ia adalah bertentangan dengan Agama Islam yang menjadi agama rasmi negara kita ini. Bagaimanapun pendirian Islam di dalam hal ini ialah bahawa masalah menyekat kelahiran anak itu adalah masalah individu apabila menghadapi suatu keadaan yang tertentu, misalnya keadaan dari segi kesihatan di mana kelahiran anak itu akan menimbulkan kesusahan dan membahayakan kesihatan ibu maka faktor-faktor yang seperti ini memang dibenarkan oleh Islam tetapi ianya tidaklah merupakan suatu usaha yang dilakukan secara gerakan kebangsaan dan masalah ini boleh dihadapi hanya oleh pertimbangan-pertimbangan individu tertentu sahaja. Tetapi apabila kita membicarakan soal ini dengan pihak Lembaga Perancang Keluarga bahawa yang hendak dititikberatkan ialah soal kesihatan ibu dan kerana itulah perancangan ataupun kelahiran anak perlu disekat tetapi kalau kita bertanya kepada para doktor bahawa adakah kelahiran anak itu sebagai suatu penyakit, sudah tentu tidak. Bahawa ia adalah proses tabi'i bagi kehidupan manusia dan juga haiwan. Ini adalah suatu proses tabi'i dan kelahiran anak bukanlah suatu penyakit dan apabila ia dicampurkan dengan soal penyakit iaitu kedatangan secara mendadak penyakit maka itu barulah boleh ditimbangankan pelaksanaan Perancangan Keluarga oleh individu tertentu. Dengan sebab itu, saya menggesa Kerajaan supaya memberikan perhatian ke arah aspek yang pertama tadi dan bukan aspek yang kedua yang saya sebutkan iaitu menyekat kelahiran anak.

Tuan Pengerusi, di dalam hal ini saya suka menegur pihak Perancang Keluarga iaitu pelaksanaan-pelaksanaan ini telah diperluaskan di kampung-kampung dan di klinik-klinik kecil di kampung-kampung dan kadang-kadang ibu-ibu di kampung itu telah dipengaruhi oleh bidan-bidan yang berkenaan dengan tidak terlebih dahulu mengambil pendapat daripada suami mereka tetapi mereka telah diberi pil-pil perancang keluarga dan kes-kes ini pernah terjadi di dalam kawasan saya sendiri. Saya minta bahawa pihak Perancang Keluarga hendaklah

mempastikan bahawa perkara-perkara seperti ini tidak berlaku dan ia akan mengakibatkan suatu keburukan dari segi jangka panjang terutama hal-hal yang berkaitan dengan kedudukan politik.

Tuan Pengerusi, di dalam P. 7 juga, saya akan menyentuh tentang Butiran (7)—Pusat Penyelidikan Agama yang mana meminta peruntukan \$12,293,000.

Tuan Pengerusi, Pusat Penyelidikan Uagama ini apabila ia dirancang beberapa tahun dahulu kita mempunyai harapan yang besar supaya ia memainkan peranan yang penting untuk membuat penyelidikan-penyelidikan, menyelesaikan dan mengemukakan kepada orang ramai hal-hal yang berkaitan dengan masalah-masalah Agama Islam supaya mereka jelas tentang sesuatu perkara dan mereka hendaklah menjalankan peranan semata-mata untuk membongkarkan dan untuk menyediakan fakta-fakta yang benar dan hakikat yang sebenar mengenai ajaran Islam, mengenai sesuatu perkara ataupun yang berkaitan dengan sesuatu perkara.

Tetapi peranan Pusat Penyelidikan Islam sekarang ini tidak nyata dan tidak menampakkan ianya memainkan peranan yang penting di dalam soal hendak menyelesaikan kekeliruan-kekeliruan yang dihadapi oleh rakyat tentang Agama Islam, baik untuk orang-orang Islam sendiri mahupun untuk orang-orang bukan Islam di mana hasil-hasil penyelidikan yang berkaitan dengan agama kurang dikemukakan kepada masyarakat.

Saya difahamkan bahawa Pusat Penyelidikan Islam ini menumpukan perhatian kepada penyelidikan untuk sesuatu mesyuarat tertentu sahaja yang dijalankan, misalnya, Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan Agama Islam dan memainkan peranan yang terbatas dan tertutup dan tidak luas, ia belum lagi dapat mengemukakan hasil-hasil penyelidikan yang bermutu dan bermakna kepada masyarakat. Oleh yang demikian, Pusat Penyelidikan Islam yang ditubuhkan dengan suatu matlamat yang luas, suatu harapan yang tinggi daripada rakyat terhadap Pusat Penyelidikan Islam itu hendaklah

di buktikan dan dilaksanakan dengan sewajarnya dan hasil-hasil penyelidikan itu hendaklah dikemukakan kepada masyarakat. Pusat Penyelidikan Islam belum mencapai kejayaan seperti mana yang sepatutnya setelah beberapa lama ia ditubuhkan.

Tuan Pengerusi, dalam P. 7 juga saya akan menyentuh Butiran 16 iaitu Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) yang meminta peruntukan sebanyak \$2,790,000.

Tuan Pengerusi, LUTH telah memainkan peranan yang penting, bukan sahaja di dalam soal menguruskan jemaah haji, tetapi juga di dalam ekonomi negara. Ini adalah suatu hakikat yang tidak boleh dinafikan oleh kita semua. Peranan ini adalah peranan yang penting dan perlu diteruskan dan hendaklah diperkukuhkan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, saya ingin juga mengemukakan kepada Dewan ini beberapa perkara yang tidak begitu menyenangkan yang dilakukan oleh LUTH waktu mengendalikan jemaah haji ke Mekah di mana banyak sekali sungutan-sungutan daripada jemaah haji tentang peranan LUTH ini di dalam melayani jemaah haji terutamanya waktu di Tanah Suci.

Di antara sebab yang menyebabkan LUTH menjadi bahan sungutan bakal-bakal haji ialah kerana tidak ada suatu kesungguhan di dalam mengendalikan urusan jemaah haji dan pemergian pegawai-pegawainya ke Tanah Suci nampaknya seolah-olah memberi suatu peluang kepada mereka untuk mengerjakan haji tetapi bukan untuk menjaga jemaah haji yang datang khusus ke Tanah Suci untuk mengerjakan haji. Jika sekiranya pegawai daripada jemaah haji itu pergi ke Mekah untuk mengerjakan haji, mereka harus pergi secara bersendirian dan bukan sebagai pegawai LUTH untuk menjalankan tugasnya menjaga para jemaah haji. Dan dengan sebab itulah berlaku peristiwa-peristiwa yang kadang-kadang menyedihkan iaitu sewaktu jemaah haji pada tahun ini hendak berangkat ke Mina seorang jemaah haji telah meninggal dunia di asrama pelajar-pelajar Malaysia di Mekah. Tidak ada seorangpun pegawai LUTH yang berada di Mekah dan mayat itu ditinggalkan begitu sahaja dan setelah kembali daripada Mina

barulah mayat itu diuruskan. Kerana apa terjadi demikian? Kerana pegawai-pegawai yang menguruskan jemaah haji itu pun adalah bersama-sama turut mengerjakan haji dengan tidak memikirkan kepentingan jemaah haji ataupun melihat apa-apa masalah yang tertinggal di Mekah.

Begitu juga sungutan-sungutan daripada jemaah haji ialah mengenai layanan daripada rombongan para doktor ke sana. Mereka juga begitu keadaannya iaitu turut mengambil kesempatan untuk mengerjakan haji, bukannya menjalankan tugas mereka. Walaupun kita bersimpati dengan para doktor itu kerana terpaksa melayani orang yang begitu ramai tetapi kalau sekiranya tenaga itu tidak mencukupi, maka mereka perlulah lagi ditambah dan kita dapati layanan-layanan yang sangat tidak memuaskan. Walaupun di dalam keadaan itu tidak sewajarnya jemaah-jemaah haji yang di dalam keadaan kebingungan itu ditambah pula dengan keadaan-keadaan penekanan yang begitu rupa. Ada seorang yang kebetulan termasuk, saya kira—termasuk dalam rombongan LUTH juga, yang pergi ke sana yang dijangka bersalin di sana, tiba-tiba apabila sudah sampai masanya dikatakan belum sampai masa bersalin lagi dan apabila orang itu balik, ketika hendak sampai ke tempat persinggahannya dia telah melahirkan anak di situ dan beliau diberi nasihat bahawa belum lagi dapat melahirkan anak, suruh datang 3-4 hari lagi. Begitulah keadaan dan layanan yang diterima oleh jemaah haji daripada pasukan perkhidmatan perubatan yang dihantar oleh LUTH.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Sedikit lagi. Pendek kata LUTH walaupun kita begitu bangga dengan peranan yang dimainkan di dalam bidang memperkukuhkan ekonomi dan mengumpul modal, terutama daripada orang Islam untuk pembangunan ekonomi mereka, tetapi LUTH hendaklah memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan mereka dan pegawai yang dihantar ke sana janganlah menjadikan pemergian mereka ke sana untuk sebagai mengambil kesempatan

untuk mengerjakan haji bersama-sama dengan jemaah haji yang lain.

Sekianlah sahaja, saya ucapkan terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

4.00 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di dalam B: 6—Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, muka surat 47, Butiran 1100, Aktiviti (1) dan (3) iaitu Pentadbiran Am dan juga Perkhidmatan.

Tuan Pengerusi, apa yang saya ingin menarik perhatian di dalam perkara ini ialah tentang peruntukan bagi tahun 1982 ini nampaknya ada pertambahan kakitangan di dalam Pentadbiran Am dan juga Kewangan pada tahun 1981, 50 orang dan pada tahun 1982, 51 orang; bererti pertambahan satu orang pegawai baru. Dan demikian juga dalam Perkhidmatan pada tahun 1981, 22 orang pada tahun 1982 nanti, 25 orang; bererti pertambahan 3 orang pegawai. Apa yang menjadi keraguan saya di dalam perkara ini ialah kerana terdapatnya kelemahan-kelemahan dan juga terdapatnya beberapa kelalaian-kelalaian yang pernah berlaku di dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ini yang mana daripada kelemahan dan kelalaian yang berlaku itu telah menjadikan beberapa kesusahan-kesusahan oleh pihak guru-guru ataupun di dalam perjawatan perguruan dan ini dapat saya buktikan bagi salah sebuah sekolah di dalam kawasan saya iaitu Sekolah Menengah Gua Chempedak terdapat tiga kes yang berlaku sejak daripada tahun 1977 dan 1979 di mana kes-kes ini sekarang ini menjadi masalah, yang punca menjadi masalah ini adalah disebabkan kelalaian ataupun kurang kecekapan ataupun kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam Suruhanjaya ini sendiri terutama sekali di dalam bidang Pentadbiran Am dan perkhidmatan ini.

Seorang guru yang bernama Yahya bin Mohd. Isa yang ditugaskan bermula pada bulan April, 1979 berlaku satu kesilapan

dalam menentukan kedudukan perjawatannya di mana telah diberikan satu kenaikan lebih sejak daripada bulan April, 1979 sehingga pada masa ini dan sekarang ini baru disedari dan apabila berlaku kesedaran ini barulah pihak Suruhanjaya mengemukakan balik untuk menuntut lebih daripada \$2,000 atas kenaikan yang diberikan gaji kepadanya sejak daripada bulan April, 1979 dahulu. Ini bukan sahaja berlaku keadaan begini, tetapi ianya akan menyentuh juga tentang kedudukan-kedudukan perjawatannya sendiri, sekiranya ia tidak dapat menyelesaikan bayaran yang dituntut mengembalikannya sebanyak lebih daripada \$2,000 ini. Jadi perbuatan ini bukan disalahkan orang yang berkenaan, tetapi Jabatan yang bertanggungjawab ini yang telah melakukan kelalaian dan kecuaiannya yang amat menyusahkan dan ini haruslah diambil perhatian segera supaya benda-benda yang seumpama ini tidak akan berlaku dan saya percaya banyak lagi perjawatan-perjawatan perguruan di sekolah-sekolah lain yang mengalami keadaan begini.

Satu lagi kes seorang guru yang bernama Cik Norma binti Hassan yang bertugas mula 4-6-1977, tetapi direkodkan bermula 1-6-1977 dan telah berlaku kesilapan 4 hari di dalam menjalankan tugasnya ini. Ini juga baru disedari sekarang ini dan atas kesilapan yang dialami ini sampai sekarang ini jawatan beliau tidak dapat disahkan dan demikian juga beliau terpaksa dituntut membayar balik gaji 4 hari yang menjadi kesilapan tadi.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Selain daripada itu kenaikan gaji bagi perjawatan beliau ini juga tertahan kerana kesilapan yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab di dalam Suruhanjaya ini tadi. Kita juga kedatangan banyak kes-kes perjawatan yang mana telah pun berkhidmat daripada tahun 1977 dahulu sampai sekarang ini pun masih belum lagi disahkan perjawatannya walaupun sudah beberapa tahun berkhidmat. Jadi ini menunjukkan dengan jelasnya kelemahan-kelemahan dan kelalaian yang terdapat di dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ini yang seharusnya diberi perhatian dan

inilah yang saya katakan tadi. Saya rasa ragu-ragu adakah kelalaian ataupun kelemahan-kelemahan ini dengan sebab banyaknya kes-kes yang perlu diselesaikan ataupun disebabkan kurangnya kakitangan yang menguruskan di dalam bidang Pentadbiran Am dan juga Perkhidmatan ini. Inilah yang saya bangkitkan tadi kalau sekiranya di antara salah satu inilah yang menimbulkan sebabnya saya dukacitalah kerana perjawatan itu hanya ditambah seorang sahaja di bidang Pentadbiran Am dan Kewangan dan juga bidang Perkhidmatan 3 orang sahaja pertambahannya. Jika boleh pihak yang berkenaan haruslah menimbangkan semula untuk memberikan keperluan-keperluan yang sejajarnya dengan tanggungjawab yang ada agar kelemahan dan kelalaian yang mungkin berlaku akan dapat dihindarkan dan dapat melahirkan kecekapan, kesempurnaan yang lebih baik kepada Suruhanjaya Perkhidmatan ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya ingin sentuh ialah Kepala B. 9—Jabatan Kehakiman, muka surat 81, Butiran 1100, Aktiviti (1), (2), (3) dan (4) yang dirangkumi semua sekali.

Tuan Pengerusi di dalam Aktiviti (3)—Mahkamah Sesyen bagi Semenanjung Malaysia. Bagi tahun 1981 terdapat sebanyak 332 orang Hakim dan pada tahun 1982 akan meningkat kepada 346 orang dan ini menunjukkan pertambahan sebanyak 14 orang dan begitu juga di dalam Aktiviti (4) Mahkamah-mahkamah Rendah bagi Semenanjung. Pada tahun 1981, 856 orang dan pada tahun 1982 nanti ialah sebanyak 871 orang; bererti pertambahan 15 orang lagi Hakim bagi Mahkamah-mahkamah Rendah. Apa yang saya ingin menarik perhatian di sini ialah tentang masalah yang sedang dihadapi sekarang ini di dalam mahkamah-mahkamah ialah terdapatnya banyak kes-kes yang bertapak-tapak dari tahun-tahun kebelakangan yang masih lagi belum selesai dan mengikut jawapan yang pernah diberikan di sini oleh Menteri Undang-undang di tahun yang lepas terdapatnya bertambah kes lebih daripada 500 kes pada setiap tahun yang tidak dapat diselesaikan dan ini adalah disebabkan oleh kerana kekurangan Hakim-hakim yang ada di dalam mahkamah-mahkamah sama

ada Mahkamah Sesyen ataupun Mahkamah Rendah di negeri ini.

Di dalam kawasan saya sendiri Daerah Yan terdapat satu mahkamah tetapi tidak ada seorang pun Hakim yang ditugas sepenuh masa di situ dan Hakim yang menjalankan tugas di mahkamah ini adalah Hakim yang didatangkan dari mahkamah Alor Setar yang jaraknya lebih kurang 27 batu.

Apa yang menjadi masalah di mahkamah-mahkamah di daerah ini ialah oleh kerana kekurangan hakim-hakim dan terdapatnya banyak kes-kes yang akan dibicarakan di mahkamah-mahkamah di peringkat daerah-daerah dan kadangkala terdapatnya hakim itu dalam berbagai masalah yang mungkin banyak tugas kerana kekurangan hakim-hakim sendiri dengan kes yang banyak. Kadangkala kes-kes yang dijadualkan untuk dibicarakan di peringkat daerah ini tidak dapat dijalankan dan yang amat mendukacitakan kerap kali mendapat rungutan daripada orang ramai di mana mereka telah menunggu-nunggu untuk perbicaraan daripada jam 9.00 pagi sehingga jam 12.00 tengahari hakim belum lagi tiba, dan terus keluar makan pada jam 12.00 tengahari datang pula jam 2.00 petang; hakim belum nampak-nampak muka lagi dan tidak tahu apa akan jadi. Tetapi kalau sekiranya orang-orang yang akan dibicarakan di mahkamah ini tidak hadir dalam tempoh 5 minit sahaja akan dikeluarkan waran untuk menangkapnya sedangkan disiksanya daripada pagi sampai ke petang tidak mendapat keputusan apa-apapun sama ada kesnya akan dibicarakan ataupun tidak. Jadi ini disebabkan oleh kerana keadaan tidak mencukupi bilangan hakim-hakim yang diperlukan bagi membicarakan kes-kes di mahkamah-mahkamah rendah ini dan kadangkalanya kes-kes ini bukan besar sangat, kadangkala didenda \$20, \$25 dan paling tinggi \$100 atau sebagainya sahaja tetapi terpaksa berulang kali yang menjadikan berkali-kali datang tidak dapat menyelesaikan sebarang kes yang seumpama ini.

Dengan ini sukalah saya menarik perhatian Kementerian yang berkenaan ini supaya mengkaji semula di atas peruntukan dan di

atas prestasi untuk mendapat ataupun menambahkan keperluan hakim-hakim bagi menjalankan urusan perbicaraan ini sejajar dengan kes-kes yang saya sebutkan tadi yang mana kes-kes lama pun banyak yang bertimbun-timbun belum diselesaikan dan kes-kes baru pula banyak yang sedang datang dan juga menunggu untuk dibicarakan dan belum dapat diselesaikan. Jadi saya tidak tahulah kalau keadaan begini sampai bila kes-kes ini akan dapat diselesaikan.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan ini untuk diluluskan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.13 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya suka memulakan ucapan saya dengan menyentuh kepada mukasurat 29 dalam buku anggaran Perbelanjaan, 1982:

Tuan Pengerusi: Mukasurat berapa, Yang Berhormat?

Tuan Lee Lam Thye: Mukasurat 29, Kepala B. 1, Butiran (Kod) 1100, Aktiviti (2) mengenai Mengurus dan Mentadbirkan Hal-hal Berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Atas perkara ini, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh tentang keadaan dalam bilik pemberita di dalam Dewan ini. Oleh kerana tidak dapat dinafikan bahawa para pemberita adalah memainkan satu peranan yang penting untuk melaporkan perbincangan di dalam Dewan Rakyat dan apa yang saya maksudkan ialah bahawa saya nampak bilik pemberita di dalam Parlimen tidak ada dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang cukup, misalnya, tidak ada kerusi yang cukup dan juga tidak ada kemudahan lain dan saya harapkan bahawa pihak yang berkenaan akan mengambil perhatian dan dapat mengambil tindakan untuk melengkapkan bilik pemberita dengan semua alat-alat dan kelengkapan yang diperlukan.

Yang lain, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh kepada muka surat 38, Kepala

B. 4. Butiran (Kod) 1100, Aktiviti (3)—Perjalanan Pilihanraya. Atas perkara Perjalanan Pilihanraya, suka saya merujuk kepada peraturan-peraturan penamaan calon-calon pilihanraya yang diamalkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Pengerusi, dalam masa soal-jawab pada petang ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada menyatakan bahawa pihak yang berkuasa telah mengambil satu keputusan untuk menukar format atau rupa bentuk borang penamaan calon untuk memudahkan lagi peraturan untuk penamaan calon-calon dalam pilihanraya. Saya amat mengalu-alukan keputusan ini dan saya berharap bahawa setelah siap dicetak, borang penamaan calon yang baru itu boleh diedarkan kepada tiap-tiap parti politik sebagai satu contoh (sample copy) untuk tinjauan parti-parti yang berkenaan.

Tidak dapat dinafikan bahawa sehingga hari ini borang penamaan calon boleh disifatkan atau apa yang saya sifatkan sebagai bureaucratic booby-trap oleh sebab hendak mengisi borang itu sangat rumit dan oleh sebab ini pada masa yang lalu, pada pilihanraya umum yang lalu, ada banyak calon-calon yang telah hilang kelayakan untuk bertanding atas sebab-sebab teknikal oleh sebab borang itu tidak diisi dengan betul. Saya harapkan bahawa dengan rupa bentuk yang baru ini dapat memudahkan calon-calon yang hendak bertanding dalam pilihanraya.

Pada pandangan saya bahawa dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi seperti negara kita, setiap calon yang bersemangat hendaklah diberikan peluang untuk bertanding. Tujuan sesuatu pilihanraya umum ialah untuk memenuhi kehendak-kehendak demokrasi dan memberi makna kepada proses demokrasi. Memandangkan ini adalah penting bahawa semua mereka yang layak menjadi calon hendaklah diberikan peluang yang secukupnya untuk bertanding dalam pilihanraya dengan dihakimi oleh rakyat menerusi peraturan penamaan calon yang dipermudahkan serta memperkemas format borang penamaan calon yang ada sekarang.

Satu hal lain yang saya ingin menyentuh di sini, Tuan Pengerusi, ialah berkaitan dengan mukasurat 53, Kepala B. 7, Butiran 1100, Aktiviti (1) (g) Pentadbiran Am berkaitan dengan Urusetia Lembah Kelang. Mengenai perkara Sekretariat ataupun Urusetia Lembah Kelang yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya ingin mengambil peluang ini untuk menggesa Sekretariat yang berkenaan supaya menyediakan sebuah pelan pembangunan yang komprehensif untuk Lembah Kelang. Urusetia ini hendaklah memainkan peranan sebagai satu "think tank" untuk para perancang, ahli-ahli ekonomi, perangkawan dan jurutera yang ditugaskan memikul tanggungjawab merumus satu panduan atau blue print jangka panjang untuk pembangunan yang lebih komprehensif bagi Lembah Kelang. Sekretariat mestilah dibekalkan dengan bantuan dan bahan yang perlu dengan secukupnya serta kakitangan-kakitangan dengan tujuan supaya ia dapat memainkan peranan yang lebih berkesan. Penambahan bilangan pegawai-pegawai yang bertugas dengan yunit ini daripada 33 orang ke 50 orang untuk tahun 1982 adalah amat penting supaya ianya mendapat tenaga pekerja tambahan bagi merancang pembangunan Lembah Kelang.

Tuan Pengerusi, Lembah Kelang ialah sebuah kawasan yang membangun dalam bentuk tumpuan penduduk dan perumahan serta perusahaan dan adalah amat penting bagi Urusetia Lembah Kelang mengkaji dan menilai situasi ini dengan mendalam supaya data yang perlu dapat dikutip untuk perumusan sesuatu panduan atau blue print yang dapat menghasilkan pembangunan yang sempurna dan penyusunan untuk Lembah Kelang. Perancangan pembangunan yang sempurna untuk seluruh Lembah Kelang adalah satu keperluan oleh kerana kawasan ini merupakan satu kawasan yang pesat dengan perkembangan perbandaran dan perusahaan di negara ini. Dengan kepesatan perkembangannya dalam dekad yang lalu Lembah Kelang telah membangkitkan banyak masalah-masalah seperti perumahan, setingan, pencemaran alam sekitar, banjir di samping permintaan untuk kemudahan-kemudahan asas, sistem perhubungan dan pengwujudan perusahaan-perusahaan.

Memandangkan perkara di atas adalah penting diadakan satu panduan atau "blue print" yang sempurna bagi pembangunan Lembah ini. Apabila rancangan pembangunan Lembah Kelang dirumuskan kelak ianya akan berjalan serentak dengan pelan induk untuk Kuala Lumpur yang akan siap tidak lama lagi menyalurkan pertumbuhan penduduk dan ekonomi ke daerah-daerah sekitarnya dengan tujuan mewujudkan pekan-pekan yang serba lengkap dalam mana penduduk-penduduk boleh hidup dan bekerja dengan begitu selesa. Pengwujudan bandar-bandar yang serba lengkap seperti Petaling Jaya, Shah Alam, Kelang, Bangi, Selayang dan Ampang adalah sangat penting dengan tujuan untuk meringankan tekanan (pressure) ke atas Bandaraya Kuala Lumpur yang sekarang bertambah sesak dan padat.

Urusetia Lembah Kelang ini yang dimasukkan dalam buku ini hendaklah diamanahkan dengan satu tanggungjawab yang sangat berat dan pastikan bahawa Lembah Kelang akan dibangunkan dengan sempurna untuk memenuhi keperluan ekonomi, industri, sosial dan alam sekitar untuk rakyat.

Tuan Pengerusi, sekarang izinkan saya menyentuh berkaitan dengan aktiviti yang sama iaitu Aktiviti (1) Pentadbiran Am (e) Biro Pengaduan Awam.

Dalam bulan Ogos tahun ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Biro Pengaduan Awam akan didedahkan kepada orang ramai. Dengan memindahkannya daripada Jabatan Perdana Menteri dan tempatkan di satu pejabat yang mudah, yang senang dihubungi oleh orang ramai.

Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan langkah ini kerana sehingga sekarang orang ramai menghadapi banyak kesulitan, banyak kesukaran untuk membuat pengaduan ke Pejabat Biro tersebut oleh kerana kawalan yang amat ketat di pintu masuk Jabatan Perdana Menteri.

Saya suka mengambil peluang ini untuk menggesa Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri berkenaan apabila beliau menggulung untuk mengesahkan dengan

segera di manakah tempat Biro Pengaduan Awam Kuala Lumpur akan diletakkan, yang lebih memudahkan orang ramai untuk berhubung.

Baru-baru ini saya ada dengar satu khabar angin bahawa pejabat baru ini akan diletakkan di Jalan Chow Kit, tetapi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengesahkan di mana tempat itu diletakkan. Saya juga berharap pada akhirnya akan terdapat banyak tempat di seluruh negara yang mana rakyat akan lebih mudah berhubung dengan Biro bukan sahaja ada pejabat di Kuala Lumpur tetapi di tiap-tiap Negeri yang lain patut ada satu pejabat untuk membolehkan orang ramai untuk membuat aduan-aduan.

Di samping langkah-langkah diambil untuk menjadikan Biro Pengaduan Awam lebih mudah didampingi oleh rakyat, saya ingin pada masa yang sama mengemukakan soalan berkenaan dengan kekesanannya ataupun bagaimana efektif Biro ini sebagai satu agensi untuk mengatasi kesulitan ataupun aduan-aduan yang disampaikan oleh rakyat. Misalnya bagaimanakah berkesannya Biro Pengaduan Awam menyelesaikan masalah-masalah dan kesusahan orang ramai.

Saya mendapat tahu bahawa Biro Pengaduan Awam ditubuhkan pada tahun 1971 dengan tujuan asalnya untuk mendekatkan hubungan yang rapat antara orang ramai dengan Kerajaan dan mengujudkan satu saluran untuk meluahkan segala kesusahan dan rasa tidak puas hati orang ramai terhadap pentadbiran Kerajaan. Walaupun dalam dekad sejak ianya ditubuhkan Biro telah berbuat sedaya upaya untuk menyediakan satu pemeriksaan dalam (internal check) yang berguna terhadap salah amalan pentadbiran. Tetapi kelemahannya pada anggapan saya yang besar ialah nampaknya Biro tersebut hanya merupakan satu badan pengendalian aduan dan bukan satu badan penyelesaian pengaduan yang efektif. Nampak saya ia tidak ada kuasa undang-undang untuk menyasat kes-kes salah pentadbiran atau menguatkuasakan rekomendasinya. Tugas-tugas bergantung sepenuhnya di atas kerjasama dan intergrity berbagai jabatan-jabatan Kerajaan. Ia tidak

menerbitkan apa juga laporan kegiatannya untuk makluman orang ramai. Dakwaan bahawa Biro Pengaduan Awam telah menyelesaikan misalnya sebanyak 75% pengaduan yang telah disampaikan kepada Biro tersebut nampak saya adalah dakwaan yang umum sekali, kecuali diketahui apakah penyelesaian itu. Apakah pengaduan yang ia kendalikan dan apakah yang di luar bidang kuasanya adalah tidak diketahui umum. Umpamanya adakah Kerajaan Negeri misalnya dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri di dalam bidang kuasanya.

Tuan Pengerusi, adalah pandangan saya bahawa Biro Pengaduan Awam mesti memperbaiki hubungannya dengan orang ramai dan menerbitkan rekod-rekod berkaitan dengan pengaduan-pengaduan yang telah dikendalikan oleh sebab sekiranya ini dapat dibuat ini akan meningkatkan lagi credibilitynya sebagai satu agensi yang benar-benar dapat bukan sahaja mengendalikan aduan tetapi dapat mengatasi aduan dengan berkesan. Saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk mengemukakan beberapa cadangan untuk pertimbangan pihak Kerajaan untuk menjadikan Biro Pengaduan Awam lebih berkesan.

Pertama, mencari tapak-tapak yang sesuai untuk Pejabat Biro Pengaduan Awam bukan sahaja di Kuala Lumpur sebagaimana yang saya ucapkan tadi tetapi juga di tiap-tiap negeri supaya dia lebih mudah didampingi oleh orang ramai dan juga apa yang pada anggapan saya adalah amat penting ialah untuk membekalkan Biro Pengaduan Awam dengan kakitangan yang mencukupi untuk menyelesaikan semua pengaduan-pengaduan.

Kedua, adalah mustahak juga ialah untuk melengkapkan Biro Pengaduan Awam dengan kuasa-kuasa yang akan membolehkannya menjadi sebuah agensi penyelesaian pengaduan dan tidak sahaja sebagai agensi yang mengendalikan pengaduan sahaja.

Ketiga, membolehkan orang ramai mengemukakan pengaduan mereka dalam salah satu empat bahasa misalnya dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris untuk siasatan dan

penyelesaian lanjut pihak Biro dan apabila ada orang ramai yang tidak faham misalnya dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris beliau boleh menyampaikan aduannya dalam bahasa Cina dan saya harap bahawa di dalam Biro ada kakitangan yang dapat menterjemahkan surat itu ke dalam Bahasa Malaysia untuk tindakan pegawai-pegawai.

Keempat, menerbitkan laporannya untuk makluman orang ramai dan jika ini tidak mungkin dilakukan, Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa semua ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undang Negeri yang bertugas sebagai penerima pengaduan hendaklah dibenarkan sekurang-kurangnya mengetahui laporan itu.

Kelima, memberikan penerangan yang secukupnya mengenai kegiatan Biro dengan tujuan membolehkan orang ramai mengetahui kewujudannya dan bagaimana ia boleh menolong mereka.

Dari semua cadangan yang saya nyatakan di sini, Tuan Pengerusi, apa yang saya sifatkan sebagai amat penting ialah Biro Pengaduan Awam mestilah dilengkapkan dengan kuasa dan tenaga yang secukupnya supaya ianya boleh menjadi sebuah agensi penyelesaian pengaduan yang benar-benar berkesan. Jika sekiranya Biro Pengaduan Awam tidak berupaya menjalankan tugasnya dengan berkesan maka adalah lebih sesuai bagi Kerajaan menjalankan satu sistem yang lain yang lebih baik untuk mencegah salah amalan pentadbiran dan penyalahgunaan kuasa seperti memperkenalkan sistem Ombudsman. Keperluan seorang ombudsman hendaklah ditimbangkan untuk negara Malaysia kerana kepesatannya perkembangan birokrasinya dan pertambahan perusahaan awam. Ombudsman ialah seorang Pesuruhjaya yang bebas yang dilantik oleh Parlimen untuk menyiasat pengaduan-pengaduan awam. Ombudsman ialah satu sistem yang boleh membantu mencegah salah amalan pentadbiran dan salahguna kuasa di samping merangsangkan accountability orang ramai dalam Kerajaan dengan memeriksa atau menyiasat semua pengaduan terhadap semua agensi Kerajaan.

Tuan Pengerusi, suka saya menyentuh sedikit berkenaan dengan aktiviti No. 3, dalam Kepala B. 7 dalam muka surat yang

sama ialah berkenaan dengan Unit Penyelarasan Perlaksanaan. Bercakap berkenaan dengan Unit Penyelarasan Perlaksanaan di dalam Jabatan Perdana Menteri saya ingin bercakap sedikit tentang tanggungjawab moral Kerajaan kepada rakyat yang menerima kesan atau akibat daripada pembangunan. Kerajaan hendaklah menganggap ini sebagai tanggungjawab moralnya untuk menjaga kebajikan mangsa-mangsa projek pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan dengan tujuan memastikan bahawa pembangunan yang dijalankan tidak mengorbankan kebajikan rakyat akibat dari ketidakadilan sosial.

Saya terpaksa menegaskan di sini bahawa pembangunan yang dijalankan itu janganlah sampai mengorbankan keadilan sosial, Meskipun Kerajaan dalam apa cara sekalipun tidak bertanggungjawab dalam projek-projek pembangunan swasta (private) tetapi saya anggap bahawa Kerajaan mempunyai satu tanggungjawab untuk memastikan bahawa kebajikan orang ramai, kebajikan umum dan kesejahteraan rakyat dipelihara, dibela dan jika Kerajaan meluluskan sesuatu projek pembangunan, Kerajaan hendaklah memastikan bahawa rakyat yang menerima kesan atau akibat daripada projek tersebut diberikan tempat tinggal yang baru atau sekurang-kurangnya diberikan pampasan yang cukup.

Pada masa-masa yang lalu terdapat banyak contoh di mana rakyat yang terlibat dengan projek pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan telah diminta keluar dan diusir tanpa diberikan tempat tinggal baru sebagai ganti atau dibayar pampasan yang cukup. Pihak berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab meluluskan sesuatu projek seharusnya tidak hanya mengamalkan sikap yang mengabaikan apabila mangsa projek pembangunan itu diusir tanpa pembelaan yang adil.

Saya berpendapat bahawa Kerajaan hendaklah berlaku adil dan saksama dan memikul satu tanggungjawab moral yang disebut oleh saya tadi dan dalam hubungan ini apa yang saya suka mencadangkan ialah:

- (1) memberikan keutamaan kepada permohonan-permohonan untuk rumah

kos rendah Kerajaan yang dibuat oleh pemohon-pemohon yang terlibat dengan projek pembangunan.

- (2) memastikan bahawa mangsa-mangsa projek pembangunan dibayar ganti rugi secukupnya oleh pemaju sebagai satu perkara keadilan sosial (Sosial justice). Perkara ini boleh dilakukan oleh Kerajaan dengan meminda Akta Kawalan Sewa 1966 bagi mengemaskinikan dan bersesuaian dengan kehendak hari ini.

Pada hari ini pampasan yang dibayar menurut Undang-undang Akta itu ialah 2 tahun bagi rumah kediaman dan 4 tahun untuk tempat perniagaan atau dalam kawasan commercial. Kadar pampasan ini sekarang adalah tidak realistic lagi apabila dibandingkan dengan keadaan inflasi sekarang. Akta ini seharusnya dikemaskinikan supaya bersesuaian dengan kehendak-kehendak hari ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh Kepala B. 8 dalam muka surat 74, butiran 1100, aktiviti (6) Pencen. Berhubung dengan perkara pencen ataupun pesara, saya ingin menegaskan Kerajaan supaya menimbangkan untuk melanjutkan umur persaraan bagi kakitangan professional dan teknik daripada umur 55 tahun yang ada sekarang. Lanjutan itu diperlukan memandangkan bahawa perkhidmatan para pekerja ini amat dikehendaki berikutan kekurangan kakitangan jenis itu dalam perkhidmatan Kerajaan sekarang, lebih-lebih lagi walaupun mereka telah mencapai umur persaraan 55 tahun tetapi ramai daripada mereka masih kuat, masih sihat dan mampu bekerja dan perkhidmatan mereka yang berterusan dengan Kerajaan tidak sahaja akan membantu menyelesaikan masalah-masalah sosio-ekonomi mereka tetapi juga kepada pembangunan negara. Memandangkan perkara di atas saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya menimbangkan untuk melanjutkan umur persaraan untuk kakitangan teknik dan professional daripada umur 55 tahun sekarang kepada umur yang sesuai.

Sekarang saya menyentuh sedikit kembali saya kepada Kepala B. 7 Aktiviti (9) dalam muka surat 54 dalam buku Anggaran

Belanjawan iaitu saya menyentuh berkenaan dengan Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU). Mengenai perkara MAMPU, saya ingin menyuarakan betapa perlunya pemulihan pentadbiran bagi meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran semua Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan. Apa yang diperlukan, ialah Kerajaan hendaklah merumuskan satu dasar perkhidmatan awam (civil service policy) yang bertujuan menyediakan rangka kerja untuk perkhidmatan awam akan bertambah baik. Kerajaan telah memperkenalkan sistem kad penentu waktu tetapi ini tidak bererti perkhidmatan awam akan bertambah baik. Menghendaki kakitangan datang ke pejabat menurut jadual adalah satu hal tetapi memastikan daya pengeluaran ataupun productivity dalam masa bekerja adalah satu hal yang lain pula.

Memandangkan perkara di atas, Tuan Pengerusi, apa yang sangat diperlukan ialah penglibatan yang penuh dan menyeluruh oleh pentadbiran baharu bagi membaiki perkhidmatan awam meningkatkan kecekapannya di setiap peringkat dan juga meninggikan daya pengeluaran. Satu cara untuk membaiki mutu kecekapan dalam perkhidmatan awam ialah pengkhususan kerja (job specialisation) untuk pegawai-pegawai dalam perkhidmatan pentadbiran di semua peringkat mestilah ada sistem latihan pengkhususan kerja untuk dilaksanakan setiap peringkat perkhidmatan awam yang tadi saya telah sentuh itulah satu perkara yang mustahak dan saya harap pihak yang berkuasa dapat menimbangkan hal ini. Usaha-usaha yang berterusan mestilah dilakukan bagi membaiki dan memodenkan perkhidmatan awam. Ini perlu kerana banyak projek yang menunggu pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Satu hal lagi saya suka sentuh ialah berkenaan dengan Aktiviti (7) dalam muka surat 54, Kepala B. 7 iaitu berkenaan dengan Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara Rukun Tetangga, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya menghapuskan semua

tugas-tugas rondaan atau patrol duty pada masa sekarang dikehendaki dijalankan oleh semua ahli-ahli Rukun Tetangga. Sistem tugas rondaan yang ada sekarang saya nampak tidaklah realistik dan sesuai kerana ahli-ahli Rukun Tetangga tidak dilengkapkan sepenuhnya semasa menjalankan tugas rondaan. Mereka dikatakan adalah terdedah kepada bermacam-macam bahaya apabila misalnya mendekati anasir-anasir yang tidak diinginkan yang bersenjata.

Memandangkan perkara di atas maka saya harap bahawa Kerajaan haruslah menghapuskan tugas rondaan oleh ahli-ahli Rukun Tetangga. Semua tugas rondaan hendaklah dijalankan oleh anggota-anggota polis oleh kerana mereka sahajalah yang sesuai untuk tugas-tugas itu dan juga kerana bertambahnya bilangan anggota polis sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri baharu-baharu ini, sebab Yang Berhormat itu pun ada berkata bahawa anggota-anggota polis akan ditambah dan memandangkan bertambahnya ahli-ahli atau anggota-anggota polis, saya berharaplah bahawa tugas rondaan ini dapat diambil alih oleh polis dan tidak lagi oleh ahli-ahli Rukun Tetangga. Rukun Tetangga kemudiannya hendaklah diserapkan dalam Majlis Perhubungan Masyarakat dan menjadi satu badan, bukan dua badan seperti yang ada sekarang ada Perhubungan Masyarakat dan ada Rukun Tetangga. Oleh hal yang demikian, saya mencadangkan bahawa Rukun Tetangga ini diserapkan dan dengan penyerapan itu semua ahli-ahli Rukun Tetangga dan Perhubungan Masyarakat pada masa akan datang kelak boleh menumpukan sepenuhnya kegiata-kegiatan mereka kepada perkara-perkara tentang kebajikan dan kerja-kerja yang berfaedah kepada masyarakat. Kerajaan hendaklah memperuntukan bantuan kewangan yang cukup kepada badan yang baharu ini untuk membolehkannya menjalankan berbagai projek kebajikan masyarakat untuk faedah seluruh rakyat.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, suka saya menyentuh kepada Kepala Pembangunan—P. 7, muka surat 71, Aktiviti (11) Lembaga Perpaduan Negara. Mengenai Perpaduan

Negara, saya ingin dengan seriusnya menggesa Kerajaan menyemak semula usaha-usahanya setakat ini untuk mencapai perpaduan negara, pada pandangan kami pencapaian perpaduan negara ialah satu syarat keperluan bagi pencapaian dengan jayanya matlamat-matlamat dan objektif-objektif negara sebagaimana tergaris dalam Rancangan Pembangunan Negara. Tanpa perpaduan negara di dalam sejarah negara yang berbilang bangsa seperti negara kita walau bagaimanapun jelasnya objektif-objektif ekonomi negara kita tidak akan kukuh dan selamat. Setelah mencapai kemerdekaan sejak 24 tahun yang lalu, Tuan Pengerusi, bolehkah kita dengan tulus ikhlas dan benar menyatakan bahawa kita telah mencapai perpaduan negara.

Saya berani berkata bahawa kita belum mencapainya dan saya akan hanya berpura-pura sekiranya saya berkata yang kita telah mencapainya. Kita telah berjaya mendapat beberapa pencapaian ekonomi dan ini tidak dapat dinafikan bahawa dalam pembangunan ekonomi kita ada mencapai satu-satu yang tidak dapat dinafikan tetapi dari seri perpaduan negara saya terpaksa menyatakan bahawa kita telah gagal mencapai objektif pembangunan yang terbesar. Sungguhpun terdapat sebuah Lembaga Perpaduan Negara dan peruntukan tahunan diberikan bagi menjalankan kegiatan-kegiatannya, saya masih berdukacita mendapati bahawa ianya masih belum menunjukkan kesannya ke atas masyarakat Malaysia dari segi menyatupadukan rakyat Malaysia dari berbagai kaum dan menolong mencapai perpaduan negara.

Bagi mencapai perpaduan negara, Tuan Pengerusi, ia memerlukan sesuatu yang lebih besar daripada Lembaga Perpaduan Negara. Bagi mencapai perpaduan negara apa yang mesti dibuat ialah menyiasat sebab-sebab yang menghalang perpaduan negara di dalam negara kita dan apa yang mesti dilakukan untuk mengatasi sebab-sebab itu. Apa yang dikehendaki ialah satu kajian semula keseluruhan usaha-usaha Kerajaan terhadap perpaduan negara dan cara mana Kerajaan dapat menawan hati rakyat melalui dasar-dasar politik, dasar-dasar ekonomi, dasar pelajaran, dasar kebudayaan dan sosial di dalam menyatupadukan rakyat dan di

dalam pembinaan sebuah negara Malaysia yang bersatupadu.

Tuan Pengerusi, satu perubahan dasar yang besar yang patut diberi perhatian pada anggapan saya ialah kewujudan Lembaga Perpaduan Negara itu sendiri. Soalan yang patut ditanya ialah adakah Lembaga Perpaduan Negara telah membantu mencapai perpaduan negara, ini ialah satu soalan yang penting. Jika tidak, maka saya rasa bahawa masanya telah tiba bagi Kerajaan memansuhkan Lembaga Perpaduan Negara dan menggantikannya dengan institusi-institusi yang lain yang boleh membuat sumbangan yang penting untuk mencapai perpaduan negara.

Saya ingin mencadangkan di sini bahawa masanya telah tiba bagi kita menubuhkan sebuah institusi perhubungan kaum untuk mengkaji dengan serius dan mendalamnya masalah-masalah polarisasi kaum di negara ini yang bertambah meruncing dalam negara ini dan mengesyorkan cara-cara yang membina untuk mengatasi masalah polarisasi kaum ini.

Sebagai penutup, Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa cara berkesan untuk mewujudkan perpaduan negara ialah dengan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan untuk memberi tiap-tiap rakyat Malaysia tanpa mengira kaum atau keturunan peluang yang sama di negara ini menurut hak-hak Perlembagaan yang asasi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

4.55 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya juga ingin bercakap sepatah dua dalam membahaskan peruntukan bagi Jabatan-jabatan. Saya suka menyentuh muka surat 74, Butiran 1100 dan Aktiviti (1) Pentadbiran, (3) Perjawatan dan (4) Perkhidmatan.

Tuan Pengerusi, melihat kepada perbelanjaan yang telah diperuntukkan bagi tahun hadapan, iaitu Belanja Mengurus sejumlah \$17.3 billion dan Pembangunan

\$14.6 billion maka hasrat Kerajaan untuk memberi pembangunan dan kebajikan kepada rakyat itu begitu tinggi sekali tetapi berjaya atau gagalnya pelaksanaan berbagai projek yang telah direncanakan oleh pihak Kerajaan pada tahun akan datang bergantung sepenuhnya kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan sendiri. Kerajaan pimpinan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang baru telah memperkenalkan satu sistem baru dalam hendak meningkatkan kecekapan dan disiplin para pegawai iaitu dengan memperkenalkan Sistem Rakaman Waktu datang dan pulang dari pejabat. Beberapa komen, pendapat dan pandangan telah diperkatakan mengenai sistem yang telah diperkenalkan itu, ada yang pro dan ada pula yang kontra. Ada yang menyatakan tidak guna datang awal ke pejabat kalau datang itu duduk dan tidak membuat apa-apa kerja dan dimulakan dengan membaca akhbar dan sebagainya dan ada juga pegawai yang dikatakan datang awal, dirakam datang itu pukul 7.45 pagi misalnya tetapi kemudian keluar ke pasar membeli-belah. Ini tak dapat dikesan (check) oleh perakam waktu yang telah diperkenalkan itu.

Tuan Pengerusi, dalam masa yang singkat ini barangkali mustahil bagi kita dapat melihat faedah atau kebaikan dari sistem rakaman waktu ini. Pada saya ini adalah satu disiplin dalam aturan peraturan yang telah ditetapkan oleh pegawai Kerajaan atau General Order tadi datang ke pejabat mesti pukul 8.00 pagi. Ini hendak kita disiplinkan dahulu dan baliknya pukul 4.15 petang.

Pada saya ini daripada segi disiplin yang hendak kita tegaskan dan dari perkara-perkara lain itu bolehlah kita ubah sedikit demi sedikit. Tetapi daripada faedah yang singkat yang boleh didapati saya mendapat faham daripada laporan-laporan yang telah kita terima keadaan sesak di jalan-jalan utama di Ibu Kota ini agak berkurangan. Kalau dahulu jalan-jalan raya utama di Ibu Kota ini sentiasa sesak kerana pada masa yang sama itulah kakitangan Kerajaan, kakitangan daripada pihak swasta berebut-rebut hendak sampai ke pejabat masing-masing dalam waktu yang sama, inilah yang menyebabkan sesak di jalan raya. Dengan adanya sistem waktu yang telah

diperkenalkan oleh pihak Kerajaan ini masalah kesesakan ini bukanlah hapus sama sekali tetapi dapat dikurangkan. Telah banyak jalan-jalan yang dahulunya didapati sesak, sekarang bolehlah dilalui dengan agak mudah dan ini faedah secara tak langsung pihak Kerajaan tidak payah lagi membelanjakan wang beratus juta ringgit untuk hendak melebarkan jalan, hendak membina jejambat dan sebagainya, ini faedah yang kita ketara. Duit yang kita hendak besarkan jalan dalam Ibu Kota Kuala Lumpur ini boleh kita belanjakan untuk membina sekolah, untuk hendak membina mahkamah, lain-lain perkara yang lebih baik, yang lebih faedahnya, yang prioritinya lebih tinggi daripada kita hendak membesarkan jalan.

Saya dapat tahu, Tuan Pengerusi, hendak membina jalan dalam Kuala Lumpur ini pada 1 kaki persegi \$500 harganya pada hal dalam kampung \$500 berapa ratus kaki jalan dapat kita bina. Ini faedah yang ketara yang kita nampak jelas hasil daripada diperkenalkan sistem perakam waktu ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi mengenai kekurangan kakitangan di pejabat-pejabat terutama sekali di Pejabat Daerah. Pejabat Daerah ini boleh kita katakan sebagai Jabatan yang terpenting atau lebih tepat sebagai nadi pembangunan negara. Segala perancangan yang kita buat, kita luluskan dalam Dewan ini tidak akan dapat dilaksanakan kalau kakitangan di Pejabat Daerah ini tidak cukup, kurang dan sebagainya. Kalau kita lihat amalan yang sedang berjalan sekarang ini Pegawai Daerah dan penolong-penolongnya ini bukan sahaja melaksanakan segala pembangunan-pembangunan yang begitu banyak, begitu mendesak keperluannya tetapi mereka juga terpaksa melaksanakan berbagai-bagai program perayaan yang berulang-ulang tiap-tiap tahun. Sebagai satu contoh perayaan Maulid, Pertandingan Musabaqah Membaca Al-Quran, Sambutan Hari Kebangsaan, sambutan untuk menerima kedatangan atau lawatan pembesar-pembesar. Kadang-kadang satu-satu majlis yang hendak dibuat dalam masa dua jam itu terpaksa mengambil masa sebulan. Sebulan pegawai-pegawai di Pejabat Daerah tadi terpaksa kena

menumpukan masa kepada perayaan-perayaan ini tadi yang majlis itu akan digunakan dua jam sahaja.

Dalam hubungan ini, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya meneliti atau mengkaji semula sama ada patut atau tidak, bijak atau tidak Pejabat-pejabat Daerah ini kita bebaskan dengan berbagai-bagai tanggungjawab yang tidak begitu perlu, sama ada Kerajaan patut mengadakan satu Jabatan khas untuk melaksanakan berbagai perayaan dan program yang berlaku setiap tahun ini, khas satu Jabatan kalau kita pandang perlu kerana masalah ataupun beban kerja yang ditanggung oleh Pejabat Daerah ini sangat berat dan lebih patut kita utamakan. Jadi, dengan adanya kerja-kerja ataupun tanggungjawab-tanggungjawab yang saya sebutkan yang tidak begitu perlu kita bebaskan kepada Pejabat Daerah, Pejabat Daerah ini terpaksa mengurangkan perhatiannya kepada menjalankan projek-projek dan pembinaan pembangunan lain yang lebih mustahak. Inilah yang menyebabkan segala peruntukan yang diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri itu tidak dapat dihabiskan dalam tahun yang tersebut.

Daripada laporan-laporan yang diterima kebanyakan negeri-negeri hanya dapat menghabiskan peruntukan yang telah diberikan kepada mereka paling maksima 60%, 40% terpaksa dibawa ke tahun hadapan. Implikasinya sangat buruk.

Apabila perancangan-perancangan ini dibuat, para Menteri pun membuat pengumuman termasuk Wakil-wakil Rakyat, kita akan bina jambatan ini sekian-sekian tahun. Bila sampai waktunya tidak dapat kita bina dengan sebab bebanan kerja yang kurang perlu yang saya katakan tadi. Ini dengan sendirinya menyebabkan rakyat keluh-kesah dan tertanya-tanya.' Jadi, kemungkinan pihak rakyat nanti menyatakan Kerajaan tidak menunaikan janji, Kerajaan tidak cekap, berbagai-bagai tuduhan akan timbul. Ini yang buruknya. Saya harap sekali lagi cadangan yang saya katakan tadi ini dapat dikaji dan pihak Kerajaan boleh jadi dapat mengadakan atau menubuhkan satu

Jabatan yang khas untuk mengendalikan perayaan-perayaan atau program-program seperti Pertandingan Musbaqah Membaca Al-Quran, Maulud dan Hari Kebangsaan itu dikendalikan oleh sebuah Jabatan khas untuk perayaan-perayaan sahaja.

Tuan Pengerusi, kita tidak dapat menafikan masih ada lagi kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan yang cuai yang menggunakan masa mereka ini bertugas di pejabat dengan mengerjakan atau menjalankan kegiatan untuk faedah diri sendiri. Ada yang membawa contoh-contoh kain, berniaga pula dalam pejabat. Awak hendak seluarkah? ini. Dia boleh bekalkan (supply). Berbagai-bagai lagi yang terjadi, ada yang menjual permaidani, macam-macam dengan bayaran ansuran. Jadi, dia menggunakan waktu pejabat dan peralatan pejabat, dia taip nama-nama orang itu; orang ini sudah bayar berapa, untuk faedah diri sendiri. Saya tidak mengatakan semua tetapi ada di tiap-tiap pejabat boleh kita dapati perkara ini. Kita harap perkara ini pun akan mendapat perhatian daripada Jabatan yang berkenaan.

Kita tidak dapat menafikan bahawa kakitangan Kerajaan negara Malaysia ini pada umumnya telah membuat satu khidmat yang sangat baik kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain dan dalam usaha Kerajaan untuk menggalakkan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan bekerja lebih giat, cekap dan menumpukan sepenuh tenaga kepada bidang tugas masing-masing ini, kalau saya tidak silap Kerjaan telah memperkenalkan satu anugerah yang dinamakan Sijil Perkhidmatan Cemerlang. Tujuannya Kerajaan hendak menganugerahkan Sijil Perkhidmatan Cemerlang ini kepada kakitangan atau pegawainya yang betul-betul bekerja sepenuh masa. Kadang-kadang lebih masa sampai pukul 6.00, pukul 7.30 pun ada. Saya biasa melihat, biasa bertemu dengan pegawai-pegawai Kerajaan ini yang betul-betul dedikasi dan telah mengorbankan masa. Korban masa ini maksudnya bekerja lebih daripada masa yang telah ditetapkan. Dia rela kerana tanggungjawabnya yang begitu penuh terhadap pekerjaannya, dia sanggup balik lebih masa daripada masa yang telah

ditetapkan; jadi Kerajaan telah memperkenalkan Sijil Perkhidmatan Cemerlang ini kepada kakitangan yang tersebut.

Sejak pengumuman dibuat dan sehingga ini saya tidak pernah mendengar mana-mana pegawai atau kakitangan Kerajaan yang telah menerima anugerah tersebut. Saya tidak pernah dengar. Saya tidak tahulah barangkali saya tertinggal atau pengumuman itu saya tidak dengar telah dibuat. Dalam hubungan ini saya ingin bertanya atau mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan apakah kriteria-kriteria yang telah diambil kira untuk seorang pegawai ini mendapat Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan jika mereka ini sudah dianugerahkan Sijil Perkhidmatan Cemerlang ini, apakah faedah-faedah yang mereka dapat.

Misalnya bila naik pangkat nanti akan diberi keutamaan atau diberi kenaikan langkah dua tahun sekali atau dua kenaikan sekali dan sebagainya. Ini patut pihak Kerajaan memberi penjelasan dan dengan adanya penjelasan ini akan menambahkan lagi minat atau galakan pegawai-pegawai Kerajaan yang sudahpun selama ini memberi perkhidmatan yang lebih daripada yang kita kehendaki akan menambahkan lagi kecekapan dan khidmat mereka kepada Kerajaan. Kalau boleh pihak Menteri yang berkenaan menyebut nama-nama pegawai yang berkenaan dan faedah-faedah yang akan didapati oleh mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang P. 7 Butiran 14 dan 15, muka surat 72 mengenai Bangunan-bangunan Jabatan Kerajaan. Saya mendapat faham bahawa masih banyak lagi Jabatan Kerajaan yang menyewa di bangunan-bangunan swasta. Saya fikir tak perlu disebutkan berapa juta ringgit Kerajaan belanjakan dalam perkara ini, saya hendak pendekkan perbincangan. Jadi saya ingin mendapat tahu berapa lamakah lagi Jabatan-jabatan Kerajaan ini hendak ditempatkan di bangunan-bangunan swasta yang tersebut. Sepatutnya daripada sekarang perlu Kerajaan mengambil langkah berkesan untuk membina bangunan-bangunan jabatan Kerajaan sendiri. Di bawah Jabatan Perdana Menteri terdapat banyak jabatan yang berselirak. Bila jabatan-jabatan ini berada di

berbagai bangunan susahlah bagi ketua jabatan yang berkenaan untuk mengawasi, untuk memastikan kelicinan atau kecekapan perkhidmatan pegawai-pegawainya tetapi kalau ada dalam sebuah bangunan maka ini dapat diawasi dan perkhidmatan dan kecekapan pegawai-pegawai dapat ditingkatkan dengan lebih baik lagi.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyentuh tentang B. 9, Butiran 1100, Aktiviti (1), (2), (3) dan (4) mengenai pentadbiran mahkamah. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah mengambil daya utama atau inisiatif melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah-mahkamah Rendah di negara ini. Dan selama ini alasan-alasan yang sengaja diadakan bahawa Bahasa Malaysia tak layak dan sebagainya dengan sendirinya terhapus dengan adanya arahan yang baru dibuat oleh Kerajaan. Cuma saya berharap pihak Kerajaan akan mengadakan satu program supaya mahkamah kita yang ada tiga empat peringkat, mahkamah rendah, mahkamah tengah, mahkamah tinggi dan mahkamah Federal atau dahulu kita terpaksa pergi di Privy Council, dan sebagainya. Jadi patut diadakan satu program dalam melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah. Kita ambil contoh, mahkamah rendah misalnya. Kerajaan mengadakan program mulai tahun 1981-1985; pada tahun 1985 pula hendaklah semua perbicaraan dan dakwaan diadakan di mahkamah rendah dalam Bahasa Malaysia; kemudian pada tahun 1986 dimulakan di mahkamah tengah dan 5-6 tahun kemudian dibawa ke mahkamah tinggi pula. Memandangkan sistem ini dapat kita lakukan dalam dasar pelajaran, kita mulakan daripada sekolah rendah selama 6 tahun selesai di peringkat sekolah rendah, sekarang selesai di peringkat sekolah menengah dan akan diadakan sampai ke peringkat universiti, mengapa perkara Bahasa Malaysia di mahkamah tak boleh kita laksanakan?

Satu perkara lagi, pihak Kerajaan patut menganjurkan kursus Bahasa Malaysia kepada pegawai-pegawai mahkamah, termasuk peguam kerana saya faham peguam juga adalah sebahagian daripada pegawai mahkamah. Mereka perlulah mengikuti kelas-kelas anjuran pihak Kerajaan untuk

melengkapkan diri mereka itu dengan pengetahuan Bahasa Malaysia atau istilah-istilah dalam perbicaraan di mahkamah, yang barangkali rumit, tak boleh kita dapati dalam kamus biasa. Dan dengan adanya kelas-kelas Bahasa Malaysia untuk pegawai-pegawai mahkamah ini akan dapat menyejajarkan dan melicinkan lagi pentadbiran mahkamah-mahkamah kita.

Menyebut tentang mahkamah ini, benarkan saya bercakap sedikit tentang bangunan mahkamah kerana kalau kita lihat bangunan-bangunan mahkamah dan peralatannya, saya sangat sedih kerana kawasan bangunan mahkamah tadi tak dijaga, tak ada ditanam pokok-pokok bunga untuk menghiasinya, ada yang semak samun dan bangunan-bangunan itu kebanyakan tidak dicat baru. Apabila kita masuk sahaja dalam kawasan mahkamah kita sudah rasa takut, bukan orang yang dituduh sahaja rasa takut, malahan yang menjadi saksi pun rasa takut, belum lagi masuk mahkamah, tengok kawasan mahkamah pun sudah takut, tidak ada perkara yang boleh menarik hati yang boleh menyejukkan hati kita memasuki dalam kawasan mahkamah itu. Jadi saya harap pihak Kerajaan dapat memerhatikan perkara ini sebab mahkamah itu ialah tempat kita menerima pengadilan, bukan tempat menghukum orang ramai tetapi untuk menerima pengadilan.

Kalau susana mahkamah itu tenang, menarik hati pihak yang didakwa dalam mahkamah tadi boleh menjawab dengan tenang. Kalau perasaan dia tidak tenang walaupun dia tidak salah mungkin dia takut hendak menjawab akhirnya didapati salah ini tidaklah adil, mungkin sudah berlaku ketidakadilan kerana keadaan suasana pejabat atau bangunan mahkamah itu. Saya harap pihak Kerajaan akan memberi keutamaan untuk membina bangunan-bangunan yang sesuai untuk mahkamah sama ada mahkamah rendah, mahkamah tengah dan mahkamah Federal; berilah keadaan atau suasana dalam mahkamah itu boleh menyejukkan perasaan kita, dapat menenangkan perasaan hati kita apabila kita masuk ke dalam mahkamah tadi.

Tuan Pengerusi, dengan cadangan dan saranan-saranan itu sekali lagi saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

5.20 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Pengerusi, saya bangun hendak bercakap dalam Maksud B. 1, Butiran 1100—Emolumen, Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan (2) Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi, oleh kerana memandangkan Parlimen ini adalah Jabatan Tertutup (Closed Service) dan juga tugas-tugas di Parlimen ini bukan sahaja mengendalikan mesyuarat persidangan Parlimen iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara sahaja, tetapi melayani pelawat-pelawat luar negeri, pemimpin-pemimpin luar negeri dan dalam negeri dan juga tetamu negara asing di Parlimen ini, oleh kerana kakitangan ini telah bekerja lama dan banyak pengalamannya pula dan sangat sesuai pula kerjasama di antara kakitangan Kerajaan dan orang-orang politik di Parlimen, maka saya mencadangkan supaya kakitangan Parlimen diberi penyelarasan pangkat sebagaimana yang di luar Jabatan Parlimen iaitu Jabatan-jabatan Kerajaan Federal yang lain yang berpeluang naik pangkat.

Tuan Pengerusi, di Parlimen ini Setiausaha Dewan Rakyat tanggagajinya Tingkatan Tertinggi 'C' dan Setiausaha Dewan Negara Tingkatan Tertinggi 'E', begitu juga Penolong-penolong Setiausaha dan seterusnya kerana besar, penterjemah dan sebagainya. Mereka ini masih muda dan telah mencapai gaji yang maksima. Mereka bekerja dengan mendapat gaji yang sama dan apabila mereka akan meningkat umur lagi 15-20 tahun dengan gaji yang sama, maka terdapatlah pula perasaan mereka dengan tidak mendapat peluang kenaikan pangkat, terasa bagi mengelakkan frustrasi atau tak puashati pekerja-pekerja ini maka saya syorkan kepada Kerajaan menyediakan satu skim iaitu apabila seseorang pegawai yang bertugas di Parlimen ini telah berkhidmat beberapa tahun dinaikkan pangkatnya cara penyandang, misalnya Tingkatan Tertinggi 'C' tadi dinaikkan ke 'B', 'E' itu dinaikkan ke tingkatan atas pula dan sebagainya supaya satu insentif atau pendorong dapat dijalankan

ke atas kegiatan pekerja Parlimen untuk perubahan prospek yang lebih baik di Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap di bawah Kepala B. juga, Butiran 2100, muka surat 29 berkenaan dengan Perjalanan dan Pengangkutan Orang. Saya berharap Parlimen ini dapat menyediakan sebuah kereta atau dua buah iaitu untuk membawa Ahli-ahli Parlimen kita, terutama daripada Sabah dan Sarawak yang tidak ada kenderaan di Semenanjung ini. Kadang-kadang apabila Parlimen lewat bersidang, mereka terpaksa balik lewat dan saya tengok setengah daripada mereka ada yang berjalan kaki, sedih rasanya, waktu itu hujan renyai-renyai, Tuan Pengerusi boleh bayangkanlah ahli-ahli Parlimen yang telah diwakili oleh rakyat kawasannya dengan membawa coat dan necktie hendak pergi menuju ke hotel-hotel mereka. Oleh itu diharapkan kalau dapat dibeli sebuah mini bas yang mempunyai air-conditioned ataupun beberapa buah kereta yang boleh menghantar mereka pulang ke hotel.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Perkhidmatan Percetakan, Butiran 2600, muka surat 30.

Pada hari ini Perkhidmatan Percetakan memang memuaskan dan seperti yang kita dapati pada hari ini Penyata Rasmi dan Oder Paper dibuat atau diselenggarakan dengan cara yang lebih baik iaitu pada hari ini mesyuarat besok boleh terima dan tidak seperti yang sudah-sudah. Tetapi saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Cetak Kerajaan kita ini diadakan sebagai satu cawangan di Parlimen ini kerana banyak pencetakan yang perlu bagi kegunaan Parlimen kita ini. Misalnya, membuat Rang Undang-undang, Statute dan berbagai-bagai lagi kegunaan Parlimen ini dibuat di sini juga, kerana kita dapati faedah-faedahnya boleh dapat segera dan dari segi keselamatan terjamin kerana ini adalah satu-satunya Parlimen dan juga sebagai Badan Perundangan yang mana negara-negara lain juga menyediakan tempat percetakannya di Parlimen.

Tuan Pengerusi, mengenai muka surat 30, Butiran 2800, Aktiviti (1)—Pentadbiran, (2)—Mengurus dan Pentadbiran Hal-hal

berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat, jumlah wang sebanyak \$389,000 itu iaitu perbelanjaan untuk pentadbiran dan mengurus.

Tuan Pengerusi, saya merasa bangga dan mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang telah mengambil berat membuat kemudahan-kemudahan dan mengindahkan di luar dan di dalam Parlimen ini yang mana kita tengok carpet, bangku dan sebagainya begitu cantik di luar sana dengan bunga-bunga dan sebagainya.

Saya telah membangkitkan dahulu dalam penggal yang sudah iaitu lampu-lampu hendaklah dipasang supaya dipandang dari jauh indah, sekarang kita nampak tiang-tiang telah terpacak, tetapi belum ada lampu lagi, apabila ada angin bergoyang tiang-tiang itu, begitu juga pancutan air sedang dibina. Saya harap sebelum pembubaran Parlimen ini dan kami masih lagi di sini, kalau tidak dilantik lagi menjadi ahli Dewan Rakyat dapatlah kami menyaksikannya.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi mengenai pagar Parlimen kita ini. Saya telah membangkitkan supaya pagar Parlimen ini di bina di keliling Parlimen kita demi keselamatan kita. Apabila terjadi satu letupan di Tugu Peringatan Negara, maka Kerajaan menyediakan satu pagar iaitu pagar keselamatan dawai sahaja. Saya berharap pagar Parlimen ini dibuat dengan batu, batu yang begitu indah berukir, pintu masuknya dibina tersergam supaya melambangkan demokrasi berparlimen di negara kita ini yang mana pelawat-pelawat dan orang-orang luar daripada negara kita datang menyaksikan Parlimen kita ini gagah tersergam maka menjadi ingatan kepada mereka, tidaklah macam mana kandang Zoo Negara sahaja keadaannya pada hari ini. Jadi dipohonkan supaya dibina lagi sebuah gantian kepada pagar ini sebagaimana yang saya cadangkan itu.

Tuan Pengerusi, di sini saya tertarik hati dengan pendapat sahabat saya daripada Balik Pulau iaitu mengenai muka surat 87, Kepala B. 9—Jabatan Kehakiman Butiran (1) dan (2). Bangunan-bangunan Mahkamah di tempat

saya di Batang Padang, ibu daerah itu, iaitu Tapah, Bangunan Mahkamah itu walaupun lama, tetapi masih lagi mencari tapak yang lebih baik dan sesuai. Apa yang mendukacitakan saya ialah peruntukan Rumah Kediaman Hakim ini pada tahun 1981 ada \$3 million, jumlah anggaran yang dipinda pada tahun 1981 \$1 million dan Jumlah Anggaran bagi tahun 1981-1985 \$3 million. Hakim ini pada masa ini datangnya daripada Kampar ditugas atau dipinjamkan dari Kampar ke Tapah seminggu beberapa kali. Jadi apabila kakitangan-kakitangan telah mendiami semula Rumah-rumah Kerajaan Negeri di Tapah itu maka sekarang ditempatkan seorang Hakim di Tapah, maka Hakim ini tidak dapat rumah yang sesuai untuknya dan menyewalah Hakim itu di satu kawasan perumahan yang mana orang yang menghantar notis Pejabat Tanah dekat situ, dan dia pun sama-sama menyewa di sebelahnya. Walhal tanah telah pun diperolehi dan telah pun dibeli oleh Jabatan Kehakiman tetapi masih lagi tidak dibina. Oleh itu, saya berharap sangatlah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang ada di hadapan saya ini supaya menegerakan pembinaan Rumah Hakim tersebut.

Tuan Pengerusi, saya akhiri ucapan saya dengan mengucapkan terma kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kangar.

5.30 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Jabatan Perdana Menteri dan saya bercakap seberapa ringkas yang boleh.

Satu, Tuan Pengerusi, sebagaimana saya selalu nyatakan dalam ucapan dan pendapat saya, segala perancangan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan ialah berpandu khasnya kepada dua segi. Satu kepada mata benda iaitu wang ringgit dan alat-alat.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, muka surat berapa dan Butiran berapa?

Tuan Shaari bin Jusoh: Muka surat 42, Kepala B. 5 berkenaan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Sebagaimana saya selalu nyatakan satu kejayaan kepada satu-satu rancangan ialah bergantung kepada pengurusan dan orang-orang yang hendak menguruskan ini tidak lain dan tidak bukan ialah daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah diambil oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Dengan sebab itu saya berharap Operasi Isi Penuh yang telah dirancangkan oleh Kerajaan itu hendaklah diisi dengan seberapa segera dan saya berharap juga biarlah satu-satu perkara itu dipecah-pecahkan mengikut kadar kemampuan. Walaupun pada pendapat saya harus bersalahan sedikit pada peraturan tetapi kalau boleh mengikut kadar yang berkemampuan. Maksud saya begini, biarlah perkara perjawatan yang besar-besar itu ditemuduga oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam itu sendiri tetapi janganlah sampai perkara yang kecil-kecil yang gajinya dimulai dengan \$250-\$300 misalnya sekalipun mesti ditemuduga oleh pihak Suruhanjaya yang berpangkat besar ataupun yang bergaji tinggi yang mana saya katakan tadi. Kerana ini kedapatan kerap sangat berlaku misalnya saya bercakap kedua-dua sekali iaitu muka surat 42 dan 47, Kepala B. 5 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan B. 6 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran; kadang-kadang sampai kepada Tukang Kebun yang hendak diambil itu pun terpaksa pihak Pesuruhjaya Perkhidmatan Pelajaran menemuduganya. Oleh sebab itu saya berharap sebagaimana saya kata tadi kerana satu alat untuk menjayakan rancangan kita kalaulah pegawai kita kurang, perkara itu tidaklah boleh hendak berjalan dengan baik.

Yang kedua berkenaan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam-pengambilan pekerja juga saya berharap sangat kalau boleh sebagaimana saya cakap dalam ucapan dasar dahulu, sesudahnya seseorang itu ditemuduga tiba-tiba dia tidak berjaya, dapatlah dua surat walaupun kadang-kadang terlampau lambat; satu surat mengatakan: "Tuan di dalam simpanan dalam masa 6 bulan. Sekiranya selepas 6 bulan didapati tuan tidak dipanggil maka anggapkanlah simpanan ini telah habis tempohnya". Jadi saya berharap kerana saya tahu hari ini mengikut aturan dan peraturan yang selalu dibuat oleh Suruhanjaya

Perkhidmatan Awam walaupun yang tadinya telah menjadi simpanan oleh sebab hendak ambil 4; yang ditemuduganya 8. Kesemuanya boleh dianggapkan berjaya kecuali markahnya kurang sedikit. Kalaulah hendak diambil 8 maka yang simpanan tadi tidak jadi lagi simpanan, tentulah dia juga diambil. Maknanya yang dikatakan simpanan tadi syaratnya cukup kecuali disebabkan hendak ambil 4 ataupun 5 tetapi yang masuk temuduganya 8. Dia tidak jawab mengatakan: "Tuan tidak berjaya kerana tuan jawab salah, tidak kena dan sebagainya", tetapi dikatakan "Tuan dalam simpanan". Anggapan saya dia ada syarat dalam segi yang dikehendaki oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau oleh pihak yang menemuduga tetapi malangnya, saya ulang sekali lagi, oleh sebab angka yang hendak diambil itu sedikit maka oleh sebab dia terlebih daripada had, yang 4 orang itu lebih pandai sebab itulah dia tertinggal.

Dengan sebab itu saya merayu kalaulah hendak diambil pada jawatan yang sama di masa yang akan datang, hendaklah orang yang di dalam simpanan tadi jawatan-jawatan yang sama diberi kepada orang itu dengan tidak payah dipanggil temuduga lagi. Ini harapan saya, Tuan Pengerusi.

Begitu juga di segi mengekalkan perkhidmatan. dalam ini juga sebagaimana saya katakan tadi tentang pengambilan biarlah diutamakan kepada pihak yang telah ditemuduga walaupun mereka telah menjadi simpanan. Yang kedua, kalau boleh seboleh-bolehnya, saya dengar sendiri daripada salah seorang daripada Menteri kerana sebagai seorang Wakil rakyat kita selalu sangat menerima permintaan daripada orang awam baik pun umum juga pegawai-pegawai Kerajaan, misalnya yang berkhidmat di Kuala Lumpur, kalau dia berasal dari Perlis, hendak minta balik ke Perlis; begitulah sebaliknya. Bila saya berjumpa dengan seorang Menteri dan saya bersetuju dengan pendapat Menteri itu kami juga berkehendakkan pegawai Kerajaan itu bekerja dengan penuh semangat.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Selain daripada kebolehan, memenuhkan semangat biarlah dia berasa lapang, senang dan seronok sambil bekerja. Bererti kalaulah katakan dia anak Kedah bekerja di Kuala Lumpur, ibu dan isterinya apatah lagi kalau dia seorang muda duduk di Kedah, 24 jam dan selalu dia ingat hendak balik. Kalaulah kita tidak beri dia balik ke tempat asalnya untuk berdekatan dengan keluarga khususnya isteri dan anaknya sendiri walaupun badannya di sini tetapi hatinya di tempat lain. Sebab itulah selalu kita dengar biarlah kita ini bekerja dengan penuh jiwa raga, maknanya di situ badan kita duduk biarlah di situ hati kita memikir; barulah kita boleh bekerja dengan sepenuh hati.

Saya sangat bersetuju dengan jawapan salah seorang Menteri, sebab itu saya katakan tadi di samping pengambilan pekerja, kalau boleh tempatkanlah pegawai-pegawai mengikut permintaan yang dipandang patut kecuali kalau didapati seseorang pegawai itu cuai ataupun tidak bertanggungjawab; itu terpulanglah kepada pihak yang berkenaan. Tetapi kalau boleh cubakanlah sedaya upaya untuk memuaskan hati, biarlah di mana dia bekerja di situlah hatinya dengan berperasaan puas hati.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga saya bercakap berkenaan dengan B. 6 berkenaan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran juga. Saya harap sangat tentang perkhidmatan guru-guru kerana saya dapati kadang-kadang seseorang guru itu tidak diiktiraf sampai 2-3 tahun, kadang-kadang meningkat umur sampai dekat dia hendak pencen. Jadi, saya berharap sangat sesudahnya kita dapati mereka bekerja dengan puas hati; kalau tidak tentulah kita ganti dengan orang lain; kalau kita tahu yang jawatan mereka itu tidak layak ataupun tidak boleh buat kerja. Dengan sebab itu saya berharap supaya jangan menganiyai pegawai-pegawai yang berkenaan. Kalaulah pegawai itu sudah patut kita cuba sampai 6 bulan janganlah sampai 3 tahun lagi, iktirafkanlah mereka dalam jawatan yang tertentu sebagaimana yang kita janjikan kepada mereka yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, bercakap berkenaan dengan B. 7, muka surat 53, satu berkenaan

dengan (e) Biro Pengaduan Awam, saya bersetuju sangat dengan adanya Biro ini tetapi saya berharap kalau boleh Biro ini menyiasat dengan teliti. Kita tahu mengikut undang-undang hanya dua kesalahan yang selalu berlaku. Kalaulah orang bawa motokar, walaupun yang di hadapan itu salah; kalau kena daripada belakang maka tetap orang yang dibelakang juga dikatakan bersalah walaupun orang yang di hadapan berhenti dengan serta merta. Begitulah kerap kali berlaku antara perempuan dengan lelaki. Walaupun kadang-kadang kesalahan itu saya tidak fikir akan berlaku daripada satu pihak seperti perceraian dan sebagainya. Ini biasa berlaku di tempat saya sendiri. Kadang-kadang perceraian itu berlaku kerana adalah di sebelah lelaki itu kita tidak nafikan, tetapi kerap kali yang membuat pengaduan kepada Biro Guaman ialah perempuan. Dia salah pun dia mengadu, kadang-kadang yang sedihnya, saya minta maaf, kalau dia benar sebab dia kena aniaya dia mengadu dan kadang-kadang kalau dia yang buat salah pun dia mengadu mengatakan dia kena aniaya juga. Kaum sejenis kita ini yang kerap kali terkena. Jadi saya harap walaupun perkara itu boleh dibuat aduan tetapi hendaklah teliti dengan sepenuh teliti. Kalau difikirkan satu anak itu tidaklah begitu susah boleh disara lagi ataupun diceraikan oleh suaminya itu disebabkan anaknya bersubahat dengan ibu kadang-kadang perbuatan ibu atau bekas isteri yang sebelum dicerainya tidak begitu baik, dengan sebab itu ia terpaksa bercerai dan kadang-kadang dia tidak mahu kerana seperti kata orang biasa berlaku, "ada wang abangku sayang, tiada wang abangku melayang". Kadang-kadang kerana tiada wang dicari jalan supaya suaminya meninggalkan dia, bila suaminya meninggalkannya, dipaksa begitu dan begini supaya membayar nafkah dan berbagai-bagai lagi.

Bila dia buat pengaduan, terpaksalah pihak lelaki itu mengikut aduan yang dibuat kepada guaman itu. Saya harap sangat perkara ini sebelum dibuat keputusan hendaklah dikaji dengan teliti dan saya bukanlah bermaksud supaya jangan diterima pengaduan. Kalau lelaki itu kejam betul-betul membuat sesuatu benda yang tidak menasabah dan melanggar peraturan dan undang-undang apatah lagi

dari segi syarak, saya berpendapat lebih daripada patut ia dihukum tetapi yang sedihnya kadang-kadang satu pihak sahaja yang mengena, begitulah berlaku segala aduan yang salahnya kerap kali kaum sejenis dengan saya itu kaum lelaki.

Tuan Pengerusi, bercakap saya berkenaan Aktiviti (3)—Unit Penyelarasan Pelaksanaan dalam Jabatan Perdana Menteri ini akan melaksanakan berbagai-bagai perancangan, dewan orang ramai, bangunan masjid dan sebagainya. Ada saluran yang datangnya wang ialah daripada Kementerian kewangan, yang hendak menjalankan tugasnya ialah daripada Pejabat JKR—Jabatan Kerjaraya iaitu Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan awam dan menerima wangnya pula Pejabat Kemajuan Negeri. Kadang-kadang perkara itu tidak dapat berjalan dengan cepat, satu pihak terima wang, satu pihak membuat pelan, satu memberi wang; kata seorang aku berkuasa tentang ini, kalau dia tidak buat pelan maka seorang lagi itu tidak dapat menjalankan kerja. Saya harap di segi pelaksanaan penyelarasan ini patutlah diteliti dengna sungguh-sungguh, kerana ini kerap kali berlaku, kadang-kadang yang kita sedih projek itu diberi oleh pihak Kementerian biasanya datang lambat, bulan August dan bulan September tak sempat hendak menjalankan projek sepertimana saya katakan tadi. Nasib baiklah kalau wang itu diberi kepada negeri, wang itu dapat dipulangkan semula, revote dan sebagainya tetapi kalaulah ada wang yang tidak dapat diberi balik kerana tidak dapat menjalankan projek maka rugilah kepada Kerajaan Negeri yang berkenaan kalau awalnya tadi hendak diberikan.

Dengan sebab itu saya harap sangat-sangat di segi penyelarasan ini hendaklah dikawal betul-betul, cari jalan seberapa yang boleh, kalau ada di peringkat pegawai mana. Pusat atau Negeri patutlah dicari persefahaman yang sungguh-sungguh kerana kalau penyelarasan tidak dapat dibuat dengan cepat maka akibatnya peruntukan yang diberi itu akan rugi kepada negeri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Pentadbiran Agama Islam, saya menyentuh sedikit. Saya harap sebagaimana saya

katakan dahulu, masjid Kerajaan sudah buat banyak, kalau boleh pengawasan hendaklah dijaga. Saya tidak mahu sebut tempat dan perkara ini betul. Semalam lagi saya pusing satu masjid yang sungguh indah di atas bukit tempatnya saya tidak mahu kabar, malangnya pintunya tidak dibuka. Saya harap Jabatan Perdana Menteri yang sanggup mengeluarkan wang yang banyak, kalau boleh tolonglah jaga masjid-masjid yang saya biasa bercakap itu. Ini saya ulangi tetapi saya tidak mahu sebut di tempat mana

-**Tuan Pengerusi:** Pukul berapa Yang Berhormat masuk masjid?

Tuan Shaari bin Jusoh: Pukul 6.00 pagi.

Tuan Pengerusi: Sekarang pukul 6.00 pagi sudah habis Subuh—minggu ini sudah habis Subuh kalau pukul 6.00.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terlewat sedikit tadi, saya terlenu. Di samping itu juga saya berharap kalau boleh walaupun agama adalah kuasa Kerajaan Negeri tetapi biarlah kalau boleh disulam dengan pegawai Kerajaan Pusat walaupun kita tidak akan memandai, kalau satu kawasan pilihanraya Parlimen kurang dihantar bagi penerangan berbagai-bagai lagi disegi pembangunan bersangkutan dengan agama, saya fikir patut sangat diambil berat oleh Jabatan Perdana Menteri.

Juga dalam B. 7 ini juga saya akan bercakap berkenaan Jabatan Rukunegara dan Perpaduan Negara. Walaupun Kerajaan kita telah mengeluarkan wang bermillion ringgit tetapi di segi keselamatan dan perpaduan rakyat amatlah penting. Maka dengan sebab itu sebagaimana Kerajaan telah mengadakan Rukun Tetangga di setengah tempat, saya berpendapat kalaulah di pekan Kuala Lumpur kita fikir ada berbagai-bagai ancaman subversif dan sebagainya, saya tidak fikir dalam masyarakat kampung tidak ada langsung. Maka dengan sebab itu saya berharap walaupun RELA ada di setengah-setengah kampung tetapi Rukun Tetangga ini saya berpendapat patut diperbanyakkan lagi seboleh-bolehnya diseluruh Malaysia dan juga kepada perpaduan dan perhubungan masyarakat supaya ianya mengambil

bahagian yang aktif lagi daripada hari ini, kerana pada pendapat saya rakyat kita Malaysia haruslah termasuk saya sendiri walaupun kita orang Islam tetapi kalau hendak dipandang kepada sivik amatlah kurang kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara lain.

Saya berasa amat malu kalau kita dapat cerita dari setengah-setengah negara yang bukan Islam sendiri, misalnya kalau dijual akhbar di tepi-tepi jalan boleh diletakkan akhbar di situ dengan tidak payah ditunggu. Bila dia tahu kalau satu akhbar itu harganya 40 sen dia tinggalkan 40 sen. Kalau dia ada wang \$1 dia letakkan \$1 dia ambil balik 60 sen. Begitu cukup amanah, tatatertib siviknya ada setengah rakyat di setengah negara walaupun bukannya daripada orang Islam. Tetapi negara kita kalaulah merompak yang beratus ribu, \$5,000 ke atas kita tidak hairan tetapi kita berasa sedih dan dukacita kadang-kadang \$1 atau 50 sen lambat terlepas sahaja, dia akan ambil walaupun yang diambil itu orang yang paling miskin yang patut kita tolong beri. Ini pada pendapat saya cara perasaan timbang rasa di antara satu sama lain amat kurang. Misalnya hari ini saya sendiri pun kadang-kadang saya terlupa Rukunegara, saya percaya banyak orang tidak ingat termasuklah Wakil dari Kangar sendiri. Walhal perkara itu adalah satu syarat menjadi perpaduan rakyat dalam negara kita ini. Begitu juga lagu Negaraku.

Saya amat takjub dan sedih bila seminggu yang lepas dalam Kuiz Ria ada satu pertandingan, bila satu soalan dikemukakan oleh pihak yang mengemukakan, saya tidak payah sebut nama, Tuan Pengerusi sendiri memang tahu, Zainal Alam, perkara-perkara lain saya tidak pelik sangat, tetapi bila dia suruh habiskan ayat Negaraku yang penghabisan sedangkan setahu saya yang mengambil bahagian yang banyak dalam Kuiz Ria ini ialah orang daripada ahli Perpaduan Rakyat iaitu Kelas Perpaduan Rakyat. Kalau mereka itu sendiri tidak mengetahui atas perkara ini saya percaya ramai, lagi masyarakat umum kita yang tidak dapat mengikuti Rukunegara dan tidak dapat mengikuti lagu Negaraku dan sebagainya.

Kalau kita hendak bandingkan dengan satu ketika walaupun mereka bukan Islam tetapi

semangat mereka, pekerja mereka, kenegaraan mereka, ketaat-setia mereka kepada negara misalnya pada masa pemerintahan Jepun, 24 jam dia ternampak kita dia suruh berhadap ke matahari naik, dia suruh menyanyi lagu. . . .

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Kamigayo!

Tuan Shaari bin Jusoh: 'Kamigayo' kata wakil dari Parit.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tidak payah bandingkan dengan zaman pemerintahan Jepun dahulu. 'Kimigayo' bukan 'Kamigayo' (*Ketawa*).

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Nampaknya Tuan Pengerusi lebih ingat daripada saya, iaitu 'Kimigayo' (*Ketawa*).

Nampaknya, Tuan Pengerusi, keadaan masyarakat kita hari ini lagu "Negaraku" kita masih tidak ingat. Kalaulah dalam Kelas Perpaduan Rakyat yang patut dipelajari atau dimuzakarah kerana mereka ini yang masuk dalam perpaduan apatah lagi kita yang tidak masuk dalam perpaduan ini saya ingat, saya sendiri banyak terlupa, Tuan Pengerusi, dengan sebab itu biar saya khabar terus terang; jangan-jangan Tuan Pengerusi tanya saya pula, sebab itu saya tulis, kalau ditanya saya terus jawab. Jadi kalau hendak harap saya sendiri harus saya pun tidak ingat. Dengan sebab itu pada pendapat saya untuk menambahkan semangat kepada tiap-tiap rakyat patutlah perkara ini kita syaratkan tiap-tiap golongan, tiap-tiap masyarakat apatah lagi kalau dalam satu-satu majlis, kita cuba alih kalau pendapat saya tidak menjadikan kesalahan, daripada kita sambut satu-satu majlis dengan "Negaraku" yang merupakan muzik itu sambil menyanyi beramai-ramai, ini saya ingat, Tuan Pengerusi, lebih berfaedah lagi dengan sendirinya kita faham, dengan sendirinya kita ingat. Janganlah kita biar murid-murid sekolah sahaja buat begitu, tetapi biarlah kita dalam majlis umum patut kita buat selalu. Kalau boleh kita dalam Dewan Rakyat ini pun, Tuan Pengerusi, sekali-sekala pada hari-hari

yang difikirkan patut, kita menyanyikan lagi "Negaraku" yang diketuai oleh Tuan Pengerusi sendiri (*Ketawa*) sebagai Pengerusi Mesyuarat dan sebagainya. Ini harapan saya.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Shaari bin Jusoh: Tidak panjang lagi, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*). Saya berjanji hendak cakap pendek.

Muka 66 B. 7, Tuan Pengerusi, Perkara (4). Saya hendak bercakap seberapa pendek iaitu berkenaan dengan Majlis Keselamatan Negara.

Setahu saya, Tuan Pengerusi, Majlis Keselamatan Negara bertanggungjawab mengamankan negara selain daripada pegawai keselamatan, polis, askar dan sebagainya kalau tidak silap saya ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri dan di negeri pula Majlis Keselamatan Negeri dipengerusikan oleh Menteri Besar.

Jadi saya berpendapat, Tuan Pengerusi, sebagaimana saya katakan tadi walau bagaimana kita curahkan wang ringgit sekalipun dan saya tidak nafikan kita ada polis dan askar, tetapi untuk mengawasi dari dekat biarlah majlis-majlis ini patut diadakan bagi tiap-tiap peringkat. Kalaulah peringkat negara ada Majlis Tindakan Negara dipengerusikan oleh Perdana Menteri, peringkat negeri ada Majlis Tindakan Negeri dipengerusikan oleh Menteri Besar dan saya berharap bagi pihak daerah pun patut ada satu Majlis yang akan dipengerusikan oleh Pegawai Daerahnya maka anggota-anggotanya terdiri daripada pegawai-pegawai yang lain. Begitulah termasuk peringkat mukim, hendaklah dipengerusikan oleh Penghulu-penghulu Mukim dan diambil daripada segenap golongan seperti OCS dari tiap-tiap tempat iaitu Ketua Balai Polis, Ketua Kaum, belia-belia dan sebagainya.

Saya percaya, Tuan Pengerusi, kerana tiap-tiap satu kejahatan yang berlaku dalam sebuah kampung walaupun masuk daripada kampung lain tetapi ada juga daripada orang dalam kampung itu sendiri yang tahu. Seperti pernah dikatakan orang kalau kawan masuk

kampung, kalau tidak ada hantu yang menunjukkan jalan tentulah kawan itu akan terjun telaga dan sebagainya. Jadi dari segi kemasyarakatan kampung, dari segi keselamatan dan lainnya, Tuan Pengerusi, saya harap sangat patutlah diadakan kerana pada pendapat saya pembangunan negara kita tidak akan berjaya tanpa pengurusan yang baik daripada pegawai yang saya katakan tadi dan tanpa daripada hati yang ikhlas, taat setia kepada negara, tanpa keselamatan dan sebagainya. Atas prinsip inilah pada pendapat saya kita dapat membangunkan negara dengan aman dan bahagia.

Jadi dengan ringkasnya lagi saya dengan sukacitanya menyokong peruntukan yang diminta oleh Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Saya harap Yang Berhormat dapat dengan ringkasnya kerana permulaan mesyuarat esok saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

5.55 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun hendak menyuarakan dua tiga perkara terutama sekali kepada Maksud Pembangunan 7, Jabatan Perdana Menteri, P. 7 muka surat 71 bilangan 7 iaitu mengenai Pusat Penyelidikan Agama yang ada diumumkan secara langsung bagi tahun 1982 berjumlah \$12.293 juta daripada dahulunya Butiran 9.

Saya ucapkan setinggi tahniah kepada pihak Kerajaan Pusat dan Jabatan Perdana Menteri yang telah memberi satu peruntukan yang besar jika hendak dibandingkan anggaran perbelanjaan sebenarnya tahun 1976 dan sehingga tahun 1980 ialah cuma sebanyak yang telah dapat dibelanjakan \$602,073.

Tuan Pengerusi, kita semua sedia maklum negara kita ini berbilang kaum dan berbilang agama dan Agama Islam telah diterima menjadi agama rasmi dan di kalangan Agama Islam pun kita kerap kali mendengar di dalam akhbar bagaimana berbagai-bagai pendapat

wujud dan ada ketikanya bertikam lidah di antara pemimpin-pemimpin agama dan juga ada juga melalui agama ini ada pula badan-badan yang menggunakan untuk kepentingan politik. Jadi kita semua sedia maklum agama adalah satu perkara yang paling sensitif dan negara kita ini sedang membangun dan ramai daripada kalangan penduduk-penduduk dalam negara kita ini kalau kita ambil dari segi Agama Islam terdiri daripada anak-anak muda. Dan kalau kita lihat keadaan di dalam negara kita sekarang telahpun ramai anak-anak muda kita yang berminat dan tertarik hati mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti ugama dan ada di antara sehingga mudah terpengaruh dan terlibat menggunakan unsur-unsur agama dan aktiviti-aktiviti agama, menyalahgunakan sehingga ada ketikanya menentang Perlembagaan dan juga menentang undang-undang negara. Sebagai contohnya, yang berlaku di Batu Pahat dahulu, dan juga pada suatu ketika dahulu mereka telah merobohkan kuil-kuil dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, Pusat Penyelidikan Agama ini peranannya amatlah penting dan perlu dijalankan secara serius dan secara besar-besaran. Dan juga Pusat Penyelidikan ini saya cadangkan hendaklah dilengkapi dengan alat-alat yang sesuai dan dengan para-pakar-pakarnya yang sesuai dalam keadaan yang ada sekarang. Sebab Pusat Penyelidikan di mana-mana sahaja adalah menjadi punca dan kunci kepada panduan dan untuk mengeluarkan sesuatu fatwa ataupun untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Sebagai contohnya, kalau kita ambil daripada Pusat Penyelidikan Perubatan.

Misalnya, kalau kita hendak tahu satu penyakit itu yang doktor hendak mengubati, darah ataupun najis atau kencing si pesakit itu dihantar kepada Pusat Penyelidikan. Daripada situ apa yang dilaporkan oleh Pusat Penyelidikan itu barulah pakar ataupun doktor yang berkenaan dapat mengubati penyakit itu.

Jadi begitulah juga sekarang ini yang kita lihat di dalam negara kita, bukanlah saya menuduh agama kita ini sakit, tetapi ramai manusia-manusia yang menganuti agama ini banyak di antaranya sakit jiwa ataupun sakit

daripada segi pendapat-pendapat mereka. Jadi, kalau Pusat Penyelidikan Agama ini diperkukuhkan dan digunakan dengan sempurna dan dilengkapi dengan sempurna, saya percaya sebarang perbalahan daripada segi agama kalau dapat Pusat Penyelidikan Agama ini memberi saranannya dan menyumbangkan dengan cara yang betul dapat mengeluarkan fatwa-fatwa yang tertentu dengan tersendirinya dapat mengubati penyakit-penyakit yang dihadapi oleh masyarakat dari segi bidang agama. Walaupun agama, Tuan Pengerusi, kita telah tetapkan dalam Perlembagaan tiap-tiap Negeri agama adalah diletakkan kepada kuasa Raja-raja tetapi saya percaya kalau dengan kekuatan Pusat Penyelidikan Agama ini boleh kita menggunakan Persidangan Raja-raja untuk menyelaras masalah-masalah agama dan fatwa-fatwa yang hendak dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Pusat ataupun pihak Kerajaan Negeri.

Tambahan pula sekarang ini, Tuan Pengerusi, tiap-tiap Negeri saya percaya telahpun mempunyai Masjid Negerinya sendiri dan di peringkat daerah pun telah mempunyai Masjid-masjid Daerahnya bersendirian. Jadi, saya teringat beberapa tahun yang lalu pihak Kerajaan telah pun mengisytiharkan iaitu hendak menggunakan masjid ini bukan sahaja sebagai pusat untuk kita menjalankan amal ibadat bahkan juga hendak kita gunakan untuk pertemuan dan pusat penerangan serta pusat menjalankan amalan-amalan yang ada kaitan dengan agama, bukan semata-mata menunaikan sembahyang waktu, sembahyang fardu dan sembahyang sunat sahaja. Jadi, dalam perkara ini sukacitalah saya mencadangkan tiap-tiap Masjid Negeri yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri itu hendaklah digunakan salah satu daripada cawangan Pusat Penyelidikan Agama supaya dapat menghubungi pusat yang ada di Kuala Lumpur ini yang dipegang oleh Kerajaan Pusat sendiri dan masjid di peringkat Negeri ini hendaklah mendapatkan maklumat-maklumat, pendapat-pendapat daripada orang ramai dan daripada pandangan-pandangan cendekiawan agama, ahli-ahli bijak pandai agama, penulis-penulis dan sebagainya supaya ini dapat disalurkan kepada pusat penyelenggaraan atau Pusat

Penyelidikan Agama yang ada di ibu kota negara. Dengan itu saya percaya dapat membetulkan keadaan dan tidak mengelirukan orang ramai. Ini amatlah penting, Tuan Pengerusi, kerana kita telah menerima agama Islam sebagai Agama Rasmi dan pihak Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri boleh membelanjakan wang peruntukan daripada tiap-tiap Negeri itu sendiri demi untuk kepentingan agama Islam, Agama Rasmi yang ada di dalam negara ini.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, mukasurat yang sama Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad ataupun dipanggil MISC. Baharu-baharu ini, Tuan Pengerusi, kalau kita baca dalam akhbar yang mana nama baik syarikat ini telah terjejas diperingkat antarabangsa kerana terlibat dalam penangkapan oleh negara asing beberapa orang kakitangan syarikat ini membawa dadah dalam kapal tersebut. Walaupun ada di antara orang yang ditangkap itu bukan warganegara Malaysia tetapi nama syarikat perkapalan ini telah tercatat sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab membawa dadah ke negara-negara asing menggunakan kapal kita secara haram. Jadi, dalam perkara ini saya mintalah Jabatan Perdana Menteri memandangkan serius dan patutlah ada arahan yang tertentu daripada pihak Kerajaan kepada syarikat ini yang menjadi tanggungjawab yang membawa nama Malaysia dalam bidang perniagaan perkapalan antarabangsa. Syarikat ini patutlah satu disiplin yang tertentu dan pengawasan yang tegas supaya perkara-perkara ini tidak berlaku lagi pada syarikat perkapalan kita sendiri.

Kalau tidak salah saya dalam siaran akhbar itu mengatakan bukan ini kali yang pertama, beberapa tahun yang lalu pun syarikat perkapalan kita terlibat membawa dadah secara haram ke negara-negara asing. Jadi, di sini menunjukkan kelemahan pentadbiran syarikat ini dan yang amat malangnya syarikat ini di bawah Jabatan Perdana Menteri dan inilah yang menjatuhkan imej negara kita dan perlulah dipandang serius.

Perkara yang ketiga pula, Tuan Pengerusi, apabila kita kaji Laporan Ekonomi

Rancangan Malaysia Keempat dalam imbangan pembayaran negara kita, kita mungkin menghadapi deficit, kerana pembayaran kita terlampau tinggi kepada perkara-perkara seperti perkapalan dan insuran. Jadi dalam perkara ini saya lihat kalau negara kita akan menempuhi kerugian yang begitu besar kerana membayar tambang-tambang kapal sebab kita menggunakan kapal-kapal asing dan kapal-kapal asing ini pula tiap-tiap tahun apabila mengadakan conference harga tambang perkapalan ini terus meningkat naik. Jadi, dalam perkara ini saya cadangkan Perbadanan Perkapalan ini diperkukuhkan dan ditambah banyak lagi kapal untuk kegunaan kita mengeksport dan mengimport sebab negara kita masih lagi banyak mengeluarkan bahan-bahan komoditi-komoditi yang perlu dieksport dan juga kita masih lagi membawa banyak barang-barang yang diimport ke dalam negara ini.

Perkara yang keempat, dalam perkapalan ini juga saya mencadangkan hendaklah dibahagi-bahagikan tanggungjawab syarikat perkapalan ini. Jika perlu saya mencadangkan pihak Kerajaan menubuhkan sebuah lagi syarikat perkapalan sama ada di peringkat antarabangsa ataupun peringkat kebangsaan supaya dapat memberi perkhidmatan urusan perkapalan antara negeri-negeri yang ada di dalam negeri kita ataupun antara negara-negara yang ada di dalam Asean sebab negara kita ini

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, perkara yang dicakapkan itu sepatutnya hendaklah masa membincangkan dasar am. Sekarang dasar perkhidmatan itu yang peruntukan itu diminta, hal itu sahaja boleh dicakapkan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, dalam perkara yang diterangkan oleh Tuan Pengerusi, sukacitalah saya menyentuh masalah Pusat Latihan Perkapalan. (Maritime Training Centre) yang di sini saya rasa peruntukan amatlah kecil walaupun berjumlah \$6.7 juta saya rasa masih kecil dan Pusat Latihan Perkapalan ini saya berharap hendaklah dibesarkan sebab negara kita ini ialah sebuah negara yang berbentuk Peninsular ataupun Semenanjung dan juga

negara Sabah dan Sarawak. Jadi, kalau hendak mengadakan tempat-tempat latihan ini tidaklah semestinya kita membuang banyak duit mengadakan latihan di luar negeri tetapi perlu diadakan pusat-pusat latihan yang boleh dibentuk di dalam negara kita di mana kita telah membina beberapa banyak pelabuhan-pelabuhan sama ada kecil dan besar. Ini adalah penting demi untuk memandangkan masa hadapan syarikat perkapalan kita yang saya cadangkan tadi untuk dibentuk bagi melatih dan memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak negara kita sebab seperti yang saya terangkan kita telah banyak membelanjakan wang ringgit menggunakan perkapalan asing.

Perkara yang ke lima, P. 7 mukasurat 72, Butiran 13—Komputer untuk Bilik Gerakan Negara. Nampak saya bagi tahun 1982 ini cuma ada peruntukan \$10 sahaja. Jadi, saya terperanjatlah sebab Kerajaan dahulu telah berjanji iaitu untuk hendak menyelaraskan beberapa perkara menggunakan alat-alat komputer kepada beberapa jabatan yang tertentu. Sekarang ini, Tuan Pengerusi, kita selalu bercerkau ataupun selalu timbul salah faham antara pihak Kerajaan dan orang ramai sebab pihak Kerajaan tidak mempunyai alat yang lengkap bagi melaksanakan sesuatu dasar.

Sebagai contoh, misalnya kita hendak mengetahui apabila seseorang itu memohon rumah, kita hendak mengetahui sama ada orang ini telahpun ada rumah ataupun tidak Kerajaan tak tahu, tidak ada satu asas (basis) yang boleh kita memeriksa kerana kelmarin, saya ingat 2-3 tahun yang lalu, Kerajaan telah berjanji hendak menggunakan alat komputer, kalau kita hendak mengetahui seseorang itu masukkan nombor Kad Pengenalannya sahaja kita sudah tahu latar belakangnya pernahkan dia mempunyai rumah atau tidak, sebagai satu komputer yang menyimpan rekod-rekod tiap-tiap warganegara ini yang mempunyai harta dan sebagainya. Sekarang ini saya tengok komputer untuk Bilik Gerakan Negara sahaja yang ada.

Saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, oleh sebab pada hari ini masalah perumahan menjadi satu masalah yang rumit dan besar

dan banyak tuduhan-tuduhan yang mengatakan seorang itu kerana ada hubungan sahabatnya yang bekerja dengan syarikat perumahan ataupun dengan perbadanan, dia dapat sampai 2-3 buah rumah, orang yang patut berhak minta oleh sebab dia tidak ada kenalan tidak dapat, itu satu. Tetapi hendak mengetahui sama ada tuduhan itu betul atau tidak pihak Kerajaan tidak ada alatnya. Saya mencadangkan sepatutnya Kerajaan mesti memberi keutamaan mengadakan alat komputer supaya dapat menyimpan rekod dan memeriksa orang-orang sama ada telah mempunyai rumah, tanah dan sebagainya—mesti, ini demi untuk kepentingan pembahagian secara adil dapat diberi dalam masalah kedudukan perumahan yang sering dibangkit-bangkitkan di dalam negara kita.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, sebagaimana Kerajaan sekarang ini sentiasa mengatakan hendak menyelesaikan masalah setinggan. Kita boleh mengatakan ada di antara setinggan itu mengambil kesempatan, mereka itu sebenarnya telah ada tempat tinggal yang lain dan mereka sengaja hendak menjadi setinggan, tetapi apakah buktinya?. Jadi rakyat jelata mengentahui kelemahan Kerajaan, mereka senang sahaja boleh mengambil kesempatan dan perkara-perkara seperti ini kalau hendak diambil tindakan ada parti-parti Pembangkang mengeksploitasikan bagi menyokong mereka ini. Jadi siapa yang tak hendak untung? Mereka akan menggunakan apa sahaja saluran yang boleh menguntungkan kerana kelemahan Kerajaan tidak menyediakan alat-alat komputer ini.

Sekali lagi saya menegaskan, Tuan Pengerusi, untuk komputer bagi Bilik Gerakan Negara ini eloknya satu peruntukan yang besar patut diadakan demi untuk mengawasi dan demi untuk menjaga, menstabil dan menyimpan rekod-rekod yang betul yang kita kehendaki di dalam negara kita dalam apa bentuk sekalipun, tetapi keutamaan saya mohon mencadangkan komputer untuk menyiasat dan menyimpan rekod bagi tiap-tiap warganegara yang mempunyai harta-benda dan rumah perlu diadakan, tambahan pula baru-baru ini pihak Kerajaan telah meminta pegawai-pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab yang

memegang kunci jawatan-jawatan penting mesti membuat pengisytiharan, maknanya masukkan ini dan kalau tak ada alat komputer yang tertentu apa akan terjadi. Jadi saya tak mahulah rancangan-rancangan Kerajaan ini cuma terlepas dan habis begitu sahaja dan hasilnya pada masa akan datang tak ada berkesan, maka sebab itulah perlu alat komputer. Tetapi saya tengok untuk tahun 1982 sangat sedih, cuma ada \$10 sahaja, jadi saya mintalah ini dibetulkan balik oleh Jabatan Perdana Menteri daripada \$10 ini dijadikan \$100 juta peruntukannya.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, ialah Bahagian 17, iaitu peniaga-peniaga kecil. Di sini sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri yang telah memberikan satu peruntukan berjumlah \$11,400,000 untuk Anggaran Pembangunan secara langsung bagi tahun 1982 tetapi saya hendak bertanya dan minta penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri yang \$11,400,000 ini adakah untuk pekan-pekan seperti Kuala Lumpur ini sahajakah ataupun ini untuk seluruh negara sebab peniaga-peniaga kecil ini bukan sahaja terletak di Kuala Lumpur, dia juga di mana-mana dan kita hendak memberi latihan terutamanya untuk hendak melaksana dan menjayakan rancangan-rancangan ekonomi dalam rancangan Malaysia ini. Kita berharap daripada keupayaan dan kebolehan peniaga-peniaga kecil ini dalam tempoh beberapa tahun kelak mereka akan menjadi peniaga-peniaga yang besar. Jadi kalau Kerajaan hendak menolong dan memberikan latihan dan tempat-tempat berniaga saya kata \$11 juta ini adalah satu peruntukan yang paling kecil sekali.

Tuan Pengerusi, pihak Kerajaan hendaklah ingat kalau Kerajaan membelanjakan banyak kepada peniaga-peniaga kecil ini keuntungannya dalam jangka yang akan datang akan nampak, ini bukannya satu perbelanjaan yang hangus. Saya percaya banyak orang menyangkakan dengan memberi bantuan sebanyak ini duit ini akan hangus-tidak. Inilah Jabatan Perdana Menteri patut memahami peruntukan yang hendak diberi kepada peniaga-peniaga kecil, pertolongan ini adalah merupakan satu pelaburan Kerajaan

pendidikan dalam bidang praktikel peniaga-peniaga ataupun orang-orang yang mempunyai minat berniaga untuk guna menceburkan perniagaan. Kalau dia buat secara melepaskan batuk di tangga, saya takut ini menempuh kegagalan.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, saya minta kepada Kerajaan pada tahun 1975 membina kawasan Datuk Keramat menjadikan kompleks perniagaan. Kerajaan cuma membelanjakan masa itu di situ \$1.8 juta bagi mengadakan tempat berniaga tetapi pada hari ini pusat perniagaan di Datuk Keramat itu sahaja perniagaannya berjumlah \$5 juta tiap-tiap bulan, setahun maknanya \$60 juta daripada cuma 80 peniaga-peniaga, pada hari ini mempunyai 354 orang peniaga di kawasan Datuk Keramat ini. Dengan tersendiri pekan itu sekarang telah menjadi besar dan dengan tersendiri pekan Datuk Keramat itu sekarang menjadi nucleus. Mana-mana tempat sahaja, sebagai contoh Kampung Pandan hendak buka pasar malam tak ada orang berniaga, ambil orang Datuk Keramat pergi berniaga ke Kampung Pandan. Kampung Konggo yang baru hendak buka pasar malam hendak melatih orang-orang di sana berniaga, ambil peniaga-peniaga daripada Datuk Keramat pindah ke Kampung Konggo waktu malam pergi berniaga. Dengan tersendirinya pusat seperti ini menjadi pusat latihan untuk orang-orang Melayu kita berniaga, bumiputra berniaga.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan masalah peruntukan peniaga-peniaga kecil ini hendaklah ditambah sebab daripada peruntukan ini jugalah kalau dapat besar bukannya dengan tujuan memberi duit itu cara hangus ataupun pinjaman kepada peniaga, yang paling penting ialah membina tempat-tempat berniaga bagi peniaga-peniaga kecil bumiputra ini daripada tempat yang kecil menjadi besar.

Sebagai contoh sekali lagi saya bawa di kawasan Datuk Keramat. Mereka sekarang ini sudah sanggup hendak minta cara pasar bertingkat-tingkat. Mana hendak ambil duit sebab itu ialah dalam golongan peniaga-peniaga kecil. Jadi dengan tersendirinya kalau peruntukan ini besar boleh dibina pasar bertingkat-tingkat di situ, boleh menjadikan

kompleks perniagaan yang moden dan ini mendatangkan hasil dan latihan memberi faedah dan seterusnya melaksanakan dasar mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Pengerusi, itulah beberapa perkara saya harap Jabatan Perdana Menteri, 4 perkara besar yang saya bawa ini dapat diberikan perhatian untuk pelaksanaan. Dengan ini, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Telok Anson.

6.20 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang pencen di muka surat 74, Butiran 1100.

Tuan Pengerusi, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya kecekapan pentadbiran Bahagian Pencen ini dapat ditingkatkan lagi. Setahu saya masih terdapat setengah-setengah kakitangan Kerajaan yang harus menunggu lebih daripada 12 bulan untuk mendapat bayaran pencen bagi kali pertama. Dengan ini telah mewujudkan berbagai kesulitan kewangan bagi orang-orang yang telah bersara. Ini disebabkan pada biasanya orang-orang yang telah berpencen itu tidak ada kerja lain ataupun tidak ada pendapatan yang lain dan mereka benar-benar bergantung atas pencen mereka untuk kehidupan.

Tuan Pengerusi, saya percaya rekod perkhidmatan bagi setiap kakitangan Kerajaan adalah disimpan dan diketahui oleh Kerajaan. Pihak Bahagian Pencen patut mengetahui umur dan tarikh saraan satu tahun atau lebih awal lagi sebelum seseorang kakitangan itu berpencen. Jadi patutlah tidak menjadi masalah bagi seorang pensioner menerima pencennya sebaik sahaja ia bersara. Saya berpendapat tidaklah baik bagi Kerajaan mewujudkan masalah kewangan kepada orang-orang yang telah berkhidmat kepada Kerajaan selama 20 atau 30 tahun yang akhirnya mereka harus meminjam wang yang akhirnya mereka harus meminjam wang daripada kawan-kawan ataupun saudara-saudara mereka untuk bayaran harian. Oleh yang demikian, saya berharap Bahagian

Pencen akan mengambil segala tindakan untuk mempercepatkan keluaran bayaran pencen itu. Saya berharap orang pencen itu boleh menerima pencennya pada bulan berikutan perkhidmatannya ditamatkan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang perjalanan dan pengangkutan orang di bawah B.1, mukasurat 29, Butiran 2100.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyokong satu cadangan yang telah dikemukakan oleh wakil dari Batang Padang sebentar tadi iaitu pihak Parlimen membeli sebuah bas mini untuk kegunaan Ahli-ahli Parlimen ataupun kakitangan Parlimen. Ini disebabkan terdapat tidak kurang daripada 30 orang Wakil Rakyat tidak mengira Menteri-menteri ataupun Timbalan Menteri yang datang dari Sarawak dan Sabah dan kebanyakan mereka tidak mempunyai kenderaan persendirian dan mereka tidak menghadapi apa-apa masalah apabila mereka datang ke Parlimen pada pukul 2.00 tetapi bagi mereka kembali ke tempat penginapan masing-masing apabila persidangan ini ditangguhkan pada pukul 6.30 atau 7.00 pada hari Jumaat, mereka susah mendapat perkhidmatan teksi. Apa yang patut ditimbangan juga ialah di sepanjang perjalanan satu setengah batu antara Bangunan Parlimen ini ke simpang Jalan Tuanku Abdul Rahman tidak mempunyai satu tempat berteduh pun di sepanjang jalan ini. Apabila hujan Ahli-ahli Yang Berhormat ini terpaksa berjalan dalam hujan juga. Oleh sebab itu, saya berharap cadangan untuk membeli sebuah bas mini dan menjalankan perkhidmatan bas ini di antara pusat bandar dan Bangunan Parlimen ini harus dijalankan. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

6.24 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil perbincangan dalam muka halaman 53, Butiran 1100 di bawah Program (4) Keselamatan Negara.

Tuan Pengerusi, saya sungguh merasa terperanjat bila kita ada menghalusi perbelanjaan yang diuntukkan untuk tahun

1981 dan 1982. Sungguhpun bilangan jawatan telah diwujudkan, bertambah sebanyak 7, tetapi perbelanjaan yang diperuntukkan adalah lebih kurang sama jika dibandingkan dengan tahun 1981 iaitu berjumlah \$2,411,000. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan satu penjelasan nanti kerana apa yang saya bimbangkan bukan sahaja dari segi perbelanjaan yang diperuntukkan tetapi juga ada berkaitan dengan masalah keselamatan negara.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita boleh menyaksikan pergolakan politik di dalam negara kita iaitu dua peristiwa yang sangat membimbangkan. Yang pertama ialah mengenai terrorism yang sudah berlaku di tanahair kita di mana beberapa orang tentera keselamatan kita sudah terkorban nyawa untuk membela dan mempertahankan kewibawaan dan keutuhan negara kita. Apa yang menyebabkan saya merasa dukacita ialah pihak-pihak masyarakat atau pihak-pihak yang tertentu yang melupakan dasar perjuangan mereka tidak langsung denounced atau condemned peristiwa yang membawakan satu peristiwa yang mengakibatkan nyawa khasnya dalam Pasukan Keselamatan negara kita. Saya fikir setiap rakyat Malaysia perlulah bangun untuk denounce dan condemn segala peristiwa yang membawakan nyata manusia baik melalui cara perjuangan yang berasaskan pada keganasan dan kekerasan.

Tuan Pengerusi, saya yakin setiap rakyat Malaysia yang mencintai demokrasi dan kebebasan tentu tidak suka melihat peristiwa-peristiwa ini tiap kali berlaku Malaysia yang terkorban nyawa, rakyat Malaysia khasnya dari Pasukan Keselamatan. Saya tidak tahu apakah motifnya dan tujuannya pihak-pihak yang tertentu yang selalu melaung-melaung menentang segala bentuk perjuangan yang berasaskan pada kekerasan ini tidak bangun atau menuju ke hadapan untuk denounce dan condemn perjuangan yang begitu dahsyat ini. Adakah mereka menyokong perjuangan secara kegagasan itu? Saya harap mereka boleh dengan secara terus terang bangun menunjukkan pendiriannya, jangan hanya berteduh di bawah perjuangan secara berpura-pura dan bertopeng. Apa bezanya hypocritism dengan terrorism walaupun satunya dengan terus terang menunjukkan

muka mereka tetapi yang lainnya hanya bersembunyi di bawah sistem perjuangan demokrasi. Saya harap Jabatan Perdana Menteri boleh mengambil berat perkara ini jika setiap rakyat yang taatsetia, yang bertanggungjawab, yang mencintai tanahair kita dan melihat negara kita dibebaskan daripada segala syaitan yang bertopeng ini; saya yakin kita tidak ada jalan keluar kecuali kita boleh semuanya bangun dan menyatakan pendirian kita terhadap peristiwa-peristiwa yang sangat mendukacitakan kita.

Tuan Pengerusi, satu peristiwa juga adalah berkaitan dengan kestabilan dan keselamatan negara kita ialah peristiwa politik yang berlaku di Pahang dan Johor. Mahu tidak mahu dari kaca mata dunia dan kaca mata rakyat Malaysia, secara langsung atau secara tidak langsung ianya telah membawa

Tuan Pengerusi: Ini di bawah tajuk mana?

Tuan Chan Teck Chan: Di bawah perkara (iv) Keselamatan Negara yang ada berkaitan dengan kestabilan dan keselamatan negara kita di mana saya tadi ada mempersoalkan apakah sebabnya peruntukan yang diperuntukkan untuk tahun hadapan ini adalah kurang daripada tahun yang lepas. Masalah ini adalah sangat membimbangkan kerana Malaysia adalah sebuah negara yang bercorak atau bersistem pemerintahan undang-undang (rules of law). Kita tidak boleh melihat bahawa adanya pergolakan ini sehingga ia menjejaskan kedaulatan dan keutuhan pemerintahan berundang-undang di negara kita.

Peristiwa juga berlaku umpamanya di Johor Bahru Customs dan di Specialist Centre di Johor Bahru. Apakah tafsiran dari orang ramai

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Chan Teck Chan: Boleh saya sambung esok, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Dewan ditangguhkan sehingga jam 3.00 petang hari esok, Jumaat, 13hb November, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.